SEJAK 1971 *SUARA DARI MENARA ILMU*

BERITA KAMPUS

ISNIN 07 Disember 2015 | Jilid 45 Bil 6 | RM1.00 | beritakampus45@gmail.com | ISSN 1397-74436

LAPORAN KHAS | Trawlers of the turbulent tides | 10-11

Alumni USM anak Malaysia pertama terajui CYC

Siswazah Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Universiti Sains Malaysia (USM) 2013 menjadi anak Malaysia pertama dipilih sebagai Pengerusi Commonwealth Youth Council (CYC) baru-baru ini.

Kishva Ambigapathy, 25, yang kini sedang melanjutkan pengajian M.Sc di UK atas biasiswa Chevning dipilih oleh 53 orang delegasi CYC dari negara-negara Commonwealth untuk memimpin pertubuhan itu untuk dua tahun yang akan datang.

Kishva baharu sahaja menandatangani sumpah perlantikannya di hadapan Presiden Malta Marie Louise Coleiro Preca dalam Commonwealth Heads of Government Meeting (CHOGM) yang sedang berlangsung sejak 27 November 2015 hingga 29 November 2015.

CYC ditubuhkan pada tahun 2013 sebagai mewakili suara belia lebih 1.2 bilion generasi belia di negara-negara Commonwealth.

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Dato' Dr. Omar Osman merakamkan tahniah kepada Kishva dan menyifatkan kejayaannya bulan sahaja mengharumkan nama negara malah juga USM yang sebelum ini turut melahirkam beberapa orang pemimpin belia negara.

"Kita turut berbangga dengan kejayaannya dan berharap Kishva akan memperolehi kejayaan dalam melakukan perubahan terutamanya melaksanakan segala perancangannya sebagai suara generasi muda Commonwealth,"kata Omar.

Kishva adalah anak sulung kepada pensyarah Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan USM Profesor P. Ambigapathy dan pensyarah Pusat Pengajian Seni USM Profesor Madya Dr. Shanti Balraj Baboo.

Adik perempuannya pula yang baharu menamatkan pengajian di Monash University dipilih oleh MYCorps pertama untuk berkhidmat kepada masyarakat di Kemboja.

"Saya bersyukur dan berbangga kerana anak-anak dapat menyumbang ilmu pengetahuan dan pengalaman mereka kepada masyarakat kerana pengetahuan bukan pengetahuan sekiranya tidak dikongsi dengan masyarakat umum," kata Ambigapathy mengulas kejayaan anak-anaknya. **[mprc.usm.my]**



PENGERUSI Commonwealth Youth Council (CYC), Kishva Ambigapathy (kanan, duduk) menandatangani ikrar sebagai pengerusi untuk penggal 2016-2017, diperhatikan oleh Presiden Malta, Marie-Louise Coleiro Preca di Mesyuarat CHOGM di Malta. CYC ditubuhkan pada tahun 2013 sebagai mewakili suara belia lebih 1.2 bilion generasi belia di negara-negara Commonwealth. GAMBAR fb Kishva Ambigapathy.

USM ungguli anugerah utama MTSF

Pakar dalam bidang penyelidikan haiwan lembut bercengkerang Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Dr. Aileen Tan Shau Hwai mengungguli Anugerah Sains dan Teknologi, Malaysia Toray Science Foundation (MTSF) 2015 atas sumbangan besarnya dalam penyelidikan tersebut baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Beliau yang juga berpenglaman luas dalam bidang ekologi marin, kajian persekitaran dan biodiversiti marin dan konservasi menerima anugerah tersebut bersempena MTSF 22nd Prize Presentation Ceremony di Kuala Lumpur pada 24 November 2015.

Kemenangan tersebut membolehkan Aileen membawa pulang hadiah wang tunai RM30,000 dan sijil penghargaan khas.

Hadir menyampaikan anugerah ialah wakil Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Timbalan Ketua Setiausaha MOSTI, Zulkifli Mohamed Hashim.

Aileen ketika ditemubual berkata, beliau terharu dan teruja kerana terpilih sebagai antara saintis terbaik negara yang dinobatkan dengan anugerah tersebut.

"Pencapaian ini adalah satu pengiktirafan terhadap usaha yang telah dijalankan khususnya dalam memajukan bidang penyelidikan biodiversiti marin yang amat berpotensi untuk diteroka. USM dan Malaysia juga semakin menjadi tumpuan dalam penyelidikan haiwan lembut bercengkerang dan kita antara perintis yang berupaya membangunkan bidang ini sehingga dikenali di peringkat global," katanya.

Lebih membanggakan, Aileen juga turut mencipta sejarah apabila menjadi saintis wanita pertama yang dipilih sebagai Presiden UNITAS Malacology (UM), sebuah pertubuhan terkemuka dunia yang yang berpusat di Eropah dan ditubuhkan sejak 1962.

UM telah meraih perhatian global khususnya dalam kajian-kajian haiwan lembut bercengkerang di samping meningkatkan kesedaran umum berkenaan isu-isu pemeliharaan, pemuliharaan dan biodiversiti spesis itu di seluruh dunia.

Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman yang turut hadir meraikan kejayaan besar USM berkata, pengiktirafan tersebut membuktikan kecemerlangan para penyelidik USM dalam pelbagai lapangan.

"Kejayaan ini adalah kebanggaan USM dan membuktikan kecemerlangan penyelidik kita dalam membangunkan pelbagai kajian untuk manfaat bidang ilmu dan masyarakat. Ia juga turut diharap dapat menjadi satu suntikan motivasi bagi penyelidik muda lain untuk berusaha mendapatkan geran dari agensi luar dalam memperkasa penyelidikan mereka," katanya.

Tambahnya, pengiktirafan agensi luar juga membantu dalam memberi impak lebih besar untuk kecemerlangan penyelidikan para penyelidik.

Selain Aileen, tiga lagi penyelidik muda USM turut cemerlang kerana terpilih menerima Geran Penyelidikan Sains & Teknologi MTSF 2015 bagi memperkasakan kajian masing-masing.

Penerima berkenaan ialah dua pelajar peringkat Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), Tee Jong Huat dari Pusat Pengajian Sains Perubatan) dan Tan Chu Shan (PP Sains Farmasi) serta pelajar Sarjana, Siti Nurnasihah Md. Hashim dari PP Sains Pergigian. Ketiga-tiga penerima masing-masing memperoleh geran berjumlah RM20,000.

Anugerah MTSF yang masuk edisi ke-22 dibuat bagi mempromosikan sains dan teknologi dengan mengiktiraf sumbangan dan usaha-usaha yang dijalankan oleh para pelajar, saintis dan akademia terkemuka negara dala bidang berkenaan.

Anugerah itu melibatkan tiga kategori utama iaitu Science & Technology Award, Science & Technology Research Grant dan Science Education Award.

Hadir sama ke majlis tersebut ialah Duta Jepun ke Malaysia, Dr. Makio Miyagawa, Pengerusi MTSF, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Omar Abdul Rahman, Pengarah Senior Toray Industries Inc. Jepun, Hiroshi Murakami dan sebagainya. **[mprc.usm.my]**

ALAMAT Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi
TELEFON 04-6535073
E-MEL beritakampus45@gmail.com

Berita Kampus adalah akhbar makmal pelajar kewartawanan Pusat Pengajian Komunikasi yang diterbitkan bersama Pusat Media dan Perhubungan Awam (MPRC) USM.

Sejak 1971.
Suara dari menara ilmu

Tidak rugi hormati orang lain

Dunia ini ibarat roda yang tidak semestinya kita akan selalu berada di atas. Kemungkinan pangkat dan darjat yang kita miliki hilang sekelip mata tanpa kita sedari. Oleh itu, walau setinggi mana pangkat kita, sifat merendah diri tidak seharusnya hilang bak kata pepatah mengikut resmi padi, makin berisi makin tunduk.

Kubur kita nanti juga akan sama taraf dengan yang lain. Tetap juga kita akan dikebumikan dalam tanah dan tetap dibaluti kain kapan yang sama nilainya. Orang yang suka meninggi diri, bongkak dengan darjat dan kekayaan yang mereka miliki selalunya akan lupa diri. Kita lihat bagaimana Allah menenggelamkan Firaun bersama-sama dengan harta kekayaannya kerana terlalu taksub sampai boleh mengaku bahawa dirinya tuhan.

Apabila menjadi orang atasan perlulah melihat kepada orang bawahan atau pekerja-pekerja kita kerana mereka ini menjadi tulang belakang dalam sesebuah organisasi yang berjaya. Kita ambil contoh mantan Perdana Menteri Malaysia ke lima iaitu Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi "Jangan bekerja untuk saya, tetapi mari bekerja bersama-sama saya", ini merupakan salah satu ucapan keramatnya ketika mula-mula diangkat menjadi Perdana Menteri. Beliau mahu setiap golongan rakayat bangun bekerja bersama-sama beliau untuk membangunkan negara.

Begitu juga dengan kepimpinan Saidina Umar Al-Khattab dan Saidina Umar Abdul Aziz yang berjiwa rakyat. Mereka tidak menggunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk kepentingan sendiri. Semua yang mereka ada telah diberikan kepada rakyat. Mereka menghormati hak orang lain. Mereka tidak malu untuk hormat rakyat mereka sendiri kerana mereka tidak mahu disoal di akhirat kelak jika mereka bersifat sombong dan takbur.

Dalam konteks kita sebagai siswa-siswi Universiti Sains Malaysia pula semestinya kita menanamkan sikap hormat orang lain dari sekarang kerana mungkin satu hari nanti kita akan memegang tampuk kepimpinan. Tidak salah kiranya kita memberikan senyuman kepada mak cik yang menolong kita membersihkan bilik air, tidak salah kiranya kita senyum kepada mereka yang mengutip sampah kita setiap hari.

Kita harus belajar untuk bercakap dengan sopan dan tidak meninggi suara kepada orang yang lebih tua. Kita sepatutnya lebih menghormati hak orang lain, tidak mudah berprasangka terhadap orang lain dan melayan semua orang pada tahap yang selayaknya sebagai seorang manusia.

Manusia dilahirkan dengan sifat kasih saying maka mengapa tidak kita mengambil kelebihan yang ada pada kita ini untuk kita sebarkan kebaikan kepada orang lain. Sifat toleransi dan saling hormat menghormati sebenarnya adalah satu perkara yang tidak harus kita pandang remeh kerana dengan sifat sebegini kita akan lebih dipandang mulia. Seseorang itu akan lebih dihormati dan disegani sekiranya lebih menghormati orang lain daripada dia menggunakan kekerasan untuk dihormati.

Dunia yang indah ini akan bertambah berseri dengan adanya sifat hormat terhadap orang lain. Senyuman dan tawa akan terukir di bibir masing-masing apabila semua pihak tahu untuk menghormati antara satu sama lain daripada terus bertegang urat menegakkan pendapat masing-masing yang akhirnya akan membawa kepada perbalahan. Dunia yang penuh dengan ceria tidak seharusnya dikotorkan dengan hasad dengki.

Jujur dalam memperolehi segulung ijazah

Menurut Imam Al-Ghazali, terdapat lima jenis kejujuran yang wujud dalam kehidupan seorang manusia. Pertama, jujur dalam niat iaitu sentiasa menyematkan dalam hati niat yang baik. Kedua, jujur dalam percakapan iaitu bertutur sesuatu yang benar, tidak berbohong dan menjauhi fitnah. Ketiga, jujur dalam berjanji iaitu menepati janji. Keempat, jujur dalam kemahuan iaitu usaha dalam menghindarkan diri daripada sesuatu yang salah. Akhir sekali, jujur dalam perbuatan iaitu bersikap jujur dalam setiap tindakan kita.

Kejujuran merupakan tunggak utama jati diri seseorang itu. Sikap jujur bermula daripada niat, kemahuan, pertuturan dan perbuatan. Jikalau niat dan kemahuan untuk jujur semata, tetapi tidak diikuti dengan tindakan jujur, semua akan menjadi sia-sia. Jujur bukan sahaja melibatkan kejujuran diri kita dengan orang lain malahan dengan diri sendiri. Kadang kala tanpa kita sedari, kita sering berlaku tidak jujur terhadap diri sendiri terutama dalam usaha untuk mendapatkan kejayaan di dunia.

Sempena musim peperiksaan akhir semester yang bakal tiba tidak lama lagi, mari kita sentuh tentang kejujuran dalam belajar. Sebagai seorang siswa-siswi, pernahkah kita terfikir mengenai kejujuran dalam menimba ilmu? Dalam Islam, mencari ilmu termasuk dalam hukum fardu kifayah. Ilmu bukan sahaja penting dalam perspektif agama malahan dalam diri setiap individu. Ilmu dilihat sebagai pemangkin kejayaan dan kegigihan seseorang itu. Oleh itu, tidak hairanlah semakin ramai generasi muda berlumba-lumba untuk mendapatkan segulung ijazah. Namun, tidak ramai cuba mencari keberkatan dalam memperolehi segulung ijazah. Puncanya kerana tiada kejujuran terhadap diri sendiri.

Plagiat dan meniru merupakan satu tindakan tidak jujur dalam menimba ilmu. Contohnya meniru semasa peperiksaan, ujian atau kuiz. Terdapat pelajar meniru dengan alasan darurat. Risau andai kata mereka gagal lalu mempengaruhi gred pencapaian. Ada yang ditangkap meniru semasa peperiksaan dan menerima hukuman setimpal dan ada yang terlepas. Bagi yang terlepas, tanpa mereka sedari, gred yang dicapai mereka bukan kerana usaha tetapi bersandarkan perbuatan tidak jujur.

Meniru tidak berlaku semasa peperiksaan sahaja malahan boleh berlaku semasa kita menyiapkan tugasan yang diberikan oleh pensyarah. Mengambil petikan atau hasil kerja seseorang tanpa meletakkan nama sumber merupakan salah satu perbuatan plagiat. Begitu juga meniru kerja rakan sekelas ataupun mengambil bulat-bulat hasil kerja seseorang. Sama ada secara sengaja atau tidak sengaja kita telah melakukan perbuatan tidak jujur.

Maka selepas tiga atau empat tahun belajar, transkrip tamat belajar dikeluarkan dan segulung ijazah diperolehi secara rasmi. Kita meraikan kejayaan tersebut dengan girang tetapi fikir sedalam-dalamnya, adakah kelayakan yang diterima setimpal dengan usaha kita jikalau ianya diraih dengan perbuatan tidak jujur? Kesannya, aspirasi universiti untuk melahirkan graduan berkualiti untuk industri pekerjaan sukar dicapai jika perbuatan tidak jujur dalam menimba ilmu diamalkan pelajar.

Kebersihan adalah tanggungjawab kita

Dari kecil, aspek kebersihan sering ditekankan kepada kita. Dalam agama Islam sendiri, Islam menganjurkan umatnya untuk menjaga kebersihan kerana kebersihan adalah sebahagian daripada iman. Dalam Islam untuk menunaikan solat, kita dituntut untuk bersuci, memakai pakaian bersih dan berwangi-wangian. Ini menunjukkan kebersihan menjadi satu aspek penting dalam dalam agama, iaitu agama Islamw itu sendiri terhadap pengamalnya.

Kita ambil Jepun sebagai negara yang terkenal dengan rakyatnya yang mempunyai sikap berdisiplin yang tinggi. Dalam aspek kebersihan, rakyat mereka terdidik dengan sikap dimana sampah tidak menjadi satu perkara yang remeh dan menyusahkan kepada mereka. Mana tidaknya, mereka akan menyimpan sampah mereka sehingga mereka menjumpai tempat sepatutnya dibuang seperti, tong sampah. Namun di Malaysia, sikap kebanyakan rakyat kita sukar untuk menerapkan mentaliti iaitu sampah kita, tanggunjawab kita, seperti yang diamalkan Jepun. Tidak perlu perlu pergi jauh, kita lihat sahaja di kawasan-kawasan universiti, kawasan dimana produk negara berakademik di bentuk.

Adakah mentaliti tahap pendidikan seseorang satu penyebab mereka terkecuali dalam menjaga kebersihan? Adakah menjaga kebersihan satu tanggungjawab yang dikhususkan kepada mereka-mereka yang dipertanggungjawabkan sahaja? Adakah susah untuk siswa-siswi mencari alternatif atau mewujudkan usaha sendiri dalam menjaga kebersihan tempat tinggal mereka tinggal seperti di desasiswa-desasiswa yang ada di USM ini. Kadang-kadang perkara yang mudah seperti membuang sampah sendiri ke dalam tong sampah, menyusun kasut dilihat sebagai keberatan dan sukar untuk dilakukan siswa-siswi kini.

Kadangkala kita lebih mengambil berat akan sesuatu yang berada di luar lingkungan kita sebagai penuntut univerisiti. Bakti Siswa, program-program kesukarelawan dan gerakan-gerakan aktivisme dilihat sebagai satu platform yang direbut oleh siswa-siswi dalam mengetengahkan mereka sebagai satu produk berkualiti negara kepada komuniti khususnya.

Walaubagaimanapun, jika dilihat dalam bilik kuliah, bas komuter universiti atau mana-mana tempat riadah di sekitar universiti, imej sebenar seseorang penuntut universiti dilihat agak berlawanan dengan apa yang sepatutnya ditonjolkan oleh mereka. Tidak malukah kita dengan adik-adik yang bercita-cita untuk ke universiti? Adakah universiti tempat yang relevan untuk dijadikan tempat yang menjadi contoh pada masa hadapan?

Kesimpulan yang dapat dibuat dari persoalan-persoalan di atas merupakan satu titik tolak kepada kita sebagai seorang yang digelar sebagai penuntut di menara gading dalam menguruskan dan menjaga kebersihan. Taraf pendidikan bukan satu sebab untuk kita terkecuali dalam menjaga kebersihan. Mentaliti menjaga kebersihan merupakan tanggunjawab yang dikhususkan kepada pihak-pihak tertentu perlu di buang. Jika univerisiti satu tempat paling sesuai untuk menerapkan nilai menjaga kebersihan, jadi mulakan disini dan pupuk dan tanamlah sikap ini sepanjang hayat.

Suhu Laut China Selatan pengaruh banjir

Oleh **INTAN MAHSURI SULAIMAN**

Punca utama berlakunya banjir yang teruk di Kelantan pada 2014 adalah disebabkan oleh perubahan suhu di Laut China Selatan (LCS) yang mencatatkan peningkatan sebanyak 0.8 darjah Celcius hingga menyebabkan jumlah air yang tersejat bertambah.

Kejadian banjir tersebut telah memberikan kesan terhadap emosi penduduk selain, kemusnahan harta benda yang begitu buruk.

"Banjir yang berlaku pada tahun lepas tidak memiliki ciri-ciri banjir monsun yang biasa", jelas Pengarah Centre for Global Sustainability (CGSS) Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Kamarulazizi Ibrahim.

"Pertambahan kuantiti air yang disejat oleh awan menyebabkan kadar air hujan yang turun adalah lebih tinggi berbanding biasa dan banjir yang berlaku bukanlah disebabkan oleh aktiviti pembalakan atau pembangunan yang berlaku di sekitar Kelantan pada 2014", terang Kamarulazizi.

Menurutnya, satu inisiatif telah dilakukan oleh CGSS untuk mengesan atau meramal sebarang perubahan cuaca yang berlaku menggunakan model Perubahan Cuaca untuk Malaysia (PCM). Perubahan-perubahan cuaca ini diukur menggunakan satelit dan memiliki ketepatan 80 peratus.

"Pada tahun ini kami dapati suhu di LCS mencatatkan peningkatan sebanyak dua darjah Celcius dan ini menyebabkan kuantiti air yang tersejat adalah jauh lebih tinggi berbanding pada tahun lepas", kata Kamarulazizi.

Bimbang dengan situasi itu beliau berharap agar semua pihak mengambil langkah berjaga-jaga untuk menghadapi banjir pada kali ini. Berdasarkan model PCM yang disarankan oleh pihak CGSS kemungkinan tarikh hujan mula turun pada tahun ini adalah minggu kedua Disember ini.

"Banjir mungkin boleh kita elakkan dengan melakukan pembenihan awan", jelas Professor Kamarulazizi.

Tambah beliau, pembenihan awan adalah salah satu kaedah yang boleh diambil bagi mengelakkan banjir yang buruk berlaku di Kelantan.

Kaedah ini boleh dilakukan dengan membuat awan yang membawa air yang tersejat di LCS tadi menurunkan hujan di kawasan laut berhampiran sebelum tiba di Kota Bharu Kelantan.

CGSS menasihatkan semua pihak bersiap sedia untuk menghadapi banjir di Kelantan pada tahun ini. Rakyat Kelantan disarankan keluar (bercuti) daripada negeri tersebut minggu kedua bulan ini selain, memindahkan barangan mereka ke kawasan yang selamat bagi mengurangkan kadar kemusnahan harta dan masalah kesihatan yang bakal berlaku.

"Insyaallah jika pembinaan empangan hidroelektrik yang telah dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK 11) dilakukan secepat mungkin, pembinaan empangan tersebut dilihat mampu membantu penduduk di Kelantan khasnya, untuk mengelakkan banjir kerana air yang turun di kawasan pergunungan negeri tersebut dapat disimpan dan digunakan sepenuhnya", kata Kamarulazizi kepada Berita Kampus.

Pemanasan global tingkatkan kemungkinan banjir

Pemanasan global ialah punca hujan lebat yang meningkatkan kebarangkalian banjir berlaku. Menurut Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar & Jaringan) Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr Chan Ngai Weng, antara faktor yang menyebabkan banjir berlaku terutamanya di negeri pantai timur seperti Kelantan adalah peralihan angin monsun, perubahan iklim dan pemanasan global.

"Angin monsun membawa hujan kerana tiupan angin Monsun Timur Laut merentasi Laut China Selatan, menyerapkan lembapan (dari laut itu) dan apabila sampai ke pantai timur Semenanjung Malaysia, lembapan akan ditolak ke atmosfera atas oleh bentuk muka bumi yang tinggi. Oleh itu, awan akan dibentuk dan musim hujan telah berlaku. Tambahan pula, monsun akan diperkukuhkan lagi oleh pemanasan global kini", katanya lagi.

"Hutan berperanan sebagai penyerap air hujan. Namun, aktiviti penyahutanan menyebabkan kekurangan kawasan perhutanan di permukaan bumi. Peraliran air ke kawasan bandar yang mempunyai permukaan simen dan konkrit yang tidak resap air telah menyebabkan banjir", katanya.

"Penyahutanan juga menyebabkan enapan yang dibawa oleh air hujan masuk ke dalam sungai. Oleh itu, sungai telah menjadi cetek dan hilang kapasitinya untuk menyalirkan air hujan", ulasnya lagi.

Prof Chan turut menjelaskan bahawa banjir kilat turut berlaku akibat sistem saliran dan longkang di kawasan bandar tidak cekap. Sikap manusia yang membuang sampah ke dalam parit telah menyebabkan sistem saliran tersumbat.

"Sebagai persediaan awal menghadapi banjir, kerajaan perlu meningkatkan kejituan ramalan hujan dan ramalan banjir. Kempen meningkatkan kesedaran banjir dan persediaan menghadapi banjir perlu diadakan serta komuniti yang tinggal di kawasan yang rendah perlu dipindah ke kawasan yang lebih selamat", tegasnya.

Tambahnya lagi, aktiviti penyahutanan perlu dikawal supaya sawah padi tidak dimajukan kepada kawasan perumahan atau bandar. Kerajaan perlu mendalamkan dan melebarkan sungai serta membersihkan longkang. Kecekapan saliran bandar berdasarkan Manual Saliran Mesra Alam yang disarankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran juga perlu ditingkatkan lagi.

"Hujan yang lebat akibat pemanasan global, aktiviti penyahutanan dan saliran peraliran yang tersumbat dijangka akan membawa banjir. Namun, ramalan tetap ramalan, tiada siapa yang akan tahu apa akan berlaku. Oleh itu, masyarakat perlu sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan termasuk banjir", ulasnya lagi.

School of Communication host international conference

A total of 99 papers ranged from various topics such as Politics and the new media, popular culture, environmental communication, media ethics were presented in the Second International Conference on Media, Communication and Culture (ICMCC) 2015.

The conference was organised by School of Communication, Universiti Sains Malaysia, Communication Department, Universitas Muhammadiyah Yogyakarta and Fakultas Ilmu Komunikasi, Universiti Mercu Buana.

Director from Institute of Ethnic Studies (KITA), Professor Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin presented his keynote on 'One Approach, Multiple Platforms: Conceptualising Diversity in Framing Content and Analysis for Public Consumption'.

"Besides providing a scholarly platform for academic and media researchers, this ICMCC also played its role as a nexus in networking and connecting the scholarly minds", said Convenor of ICMCC, Associate Prof Dr Azman Azwan Azmawati.

According of to Azman, the second ICMCC was organised by USM as a part of Memorandum of Understading (MOU) which was signed with Universitas Muhammadiyah Yogkarta (UMY) who organised the first ICMCC.

"The papers which were presented in the conference were the papers which were chosen and accepted by the scientific committee of ICMCC during the abstract review", added Azman.

The collaborating partners of ICMCC were Asian Congress for Media & Communication (ACMC), Philippines, Asosiasi Pendidikan Tinggi Ilmu Komunikasi (ASPIKOM), Indonesia, Chulalongkorn University, Thailand, and GSTF Journal on Media and Communication.

This second ICMCC was held from 30 November 2015 to 2 December 2015 in Vistana Hotel, Penang, Malaysia.

USM sokong vape diharam dalam kampus

Universiti Sains Malaysia (USM) menyokong penuh usaha mengharamkan penggunaan vape di kampus universiti.

Naib Canselor USM Profesor Dato' Dr. Omar Osman berkata, USM menyokong penuh usaha ini apatah lagi USM sudah lama mewartakan seluruh premis kampusnya termasuk di Kampus Kejuruteraan di Nibong Tebal, Kampus Institut Pergigian dan Perubatan Termaju (IPPT) di Bertam dan Kampus Kesihatan di Kubang Kerian Kelantan sebagai kawasan larangan merokok.

"USM mempunyai pasukan pemantau yang membantu memastikan tiada pelanggaran terhadap peraturan ini. Di samping itu kita juga akan mewartakan segera larangan penggunaan vape dan shisha di semua kampus dan premis USM sama ada di dalam mahu pun luar bangunan kepada warga kampus, pelawat mahu pun orang luar," tegas Omar. **[mprc.usm.my]**

JK tambah peralatan atasi ancaman binatang berbisa

Setiap kali binatang berbisa seperti ular masuk ke bangunan atau desasiswa, pasti bantuan anggota Jabatan Keselamatan (JK) diperlukan. Oleh itu, JK telah mengambil tindakan proaktif dengan membeli alat menangkap ular berbentuk penyepit berharga di antara RM400 hingga RM700 baru-baru ini.

Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Kapt, (B) Mohamed Fadzil Baharudin berkata, walaupun penangkapan ular bukan bidang kerja JK tetapi tetap memberi bantuan.

"Ini adalah satu cabaran kerana JK tidak mempunyai perlindungan Insurans seperti anggota Jabatan Pertahanan Awam , anggota Bomba dan Penyelamat sekiranya dipatuk ular berbisa. Tindakan ini mempunyai risiko yang tinggi namun setiap anggota JK perlu siap sedia demi menjamin keselamatan siswa-siswi", katanya.

Menurut Fadzil lagi, sekiranya JK tidak dapat tangkap ular yang besar seperti ular tedung selar dan ular sawa, bantuan kepakaran daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang atau Jabatan Pertahanan Awam Pulau Pinang (JPAM) diperlukan.

"Bagi mengatasi ancaman ular ini, saya berharap Jabatan Pembangunan boleh mempergiatkan lagi aktiviti pembersihan bagi memastikan kawasan sekitar kampus sentiasa bersih", katanya lagi.

Faktor cuaca turut mempengaruhi ular memasuki kawasan bangunan dan desasiswa untuk mencari kawasan yang sejuk , tempat penyimpanan barang yang terbiar dan semak samun.

Selain itu, ular yang ditangkap akan dihantar ke Jabatan Perhilitan Pulau Pinang atau Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat sekiranya terdapat permintaan.

Bagi Pengawal Keselamatan, Azlan Abdul Aziz, pembelian alat penangkapan ular adalah satu tindakan yang tepat kerana ia memudahkan kerja penangkapan ular di samping keselamatan lebih terjamin.

"Alat yang berbentuk penyepit itu lebih mudah berbanding alatan yang digunakan sebelum ini", katanya.

Jika terdapat sebarang masalah, siswa-siswi boleh menghubungi Jabatan Keselamatan di talian 04-6534333 (aduan kecemasan) dan 04-6534334 (aduan biasa).

Gunakan saluran aduan e-feedback

Perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia (PHS USM) menyediakan saluran aduan atas talian E-Feedback untuk pengguna membuat sebarang aduan, penghargaan dan pertanyaan.

Menurut Ketua Bahagian Perhubungan Pelanggan, Puan Radia Banu Jan Mohamad, E-Feedback ini menggantikan kotak aduan yang diletakkan di PHS untuk siwa-siswi membuat aduan secara atas talian dan memudahkan pengurusan PHS.

"Sistem aduan ini telah ditukarkan kepada sistem elektronik untuk memudahkan pengguna membuat aduan secara atas talian di laman web PHS http://www.lib.usm.my/", kata Puan Rania Banu. E-Feedback adalah aduan yang betul unuk siswa-siswi membuat aduan, penghargaan, pertanyaan dan sebagainya", kata Puan Rania.

Aduan yang dibuat oleh pelanggan akan dimaklumkan kepada Jabatan Pembanguan untuk mengambil tindakan, dan tempoh tindakan yang akan diambil, sebab berlaku masalah tersebut adalah proses apabila aduan dilakukan.

"Setiap aduan yang dibuat akan diberi perhatian segera, dan tindakan akan diambil berdasarkan masalah yang dihadapi. Keadaan akan dipantau selepas 15 hari masalah tersebut di diselesaikan", jelasnya lagi.

E-Feedback ini telah diperkenalkan kepada siswa-siswi baharu melalui tayangan video korporat serta tayangan montaj di televisyen yang diletakkan di PHS.

"Kami juga telah mengiklan E-Feedback ini di montaj televisyen yang disediakan di PHS, malah setiap tahun akan diadakan Hari Bersama Pelanggan di mana kami akan menyediakan beberapa buah komputer riba untuk memperkenalkan E-Feedback kepada siswa-siswi dengan menekan butang like di Faceboook", tambah Puan Rania lagi.

"Tiga saluran penting untuk siswa-siswi membuat aduan dengan cara yang betul adalah melalui e-Feedback, di kaunter PHS atau di Facebook PHS sendiri", ulas Puan Rania.

Lalu lintas kampus sesak sewaktu konvokesyen

Lalu lintas dari Pusat Pengajian Perumahan Bangunan dan Perancangan Jalan Sasaran hingga pintu utama Universiti Sains Malaysia (USM) depan Jalan Sungai Dua berada dalam keadaan kesesakan dari hari pertama hingga akhir Konvokesyen ke-52.

"Secara purata, sekurang-kurang pertambahan 50% hingga 60% bilangan kenderaan masuk ke dalam kampus USM pada setiap hari sepanjang musim Konvokesyen USM telah mengakibatkan kesesakan lalu lintas. Kebanyakan kenderaan dimiliki oleh pelawat", kata seorang pegawai Jabatan Keselamatan.

Menurutnya pegawai tambahan sepuluh kenderaan telah dikunci roda dalam USM pada setiap hari sepanjang musim Konvokesyen USM. Terutamanya kereta yang menghalang kelancaran lalu lintas dalam USM. Hal ini kerana tempat parkir yang sedia ada dalam USM tidak cukup memenuhi semua kenderaan pelawat pada musim Konvokesyen.

Menurut mangsa kes kunci roda kenderaan, Long Ngo Pei amat kecewa terhadap tindakan pegawai Jabatan Keselamatan telah kunci roda kereta Long kerana letak kereta pada tempat parkir staf. Long berpendapat pihak USM perlu sediakan bilangan tempat parkir yang banyak untuk pelawat dan sepatutnya membuka sebahagian kawasan parkir staf hampiran Tapak Konvo kepada pelawat.

"Kereta saya dalam keadaan kesesakan lalu lintas selama satu jam lebih sepanjang jalan dari pusat pengajian HBP hingga pintu utama USM depan jalan Sungai Dua pada hari kedua Konvokesyen selepas tamat kuliah. Saya akan berjalan kaki ke kuliah pada hari seterusnya semasa musim Konvokesyen", kata Wong Tian Fook Sains Fizik 2.

Pejabat am Desasiswa Bakti Permai pindah ke Desasiswa Cahaya Gemilang

Pejabat am Desasiswa Bakti Permai telah berpindah ke Desasiswa Cahaya Gemilang dan telah beroperasi sepenuhnya mulai 1 Disember lalu.

Menurut Penolong Pengurus Asrama Desasiswa Bakti Permai, Puan Ina Rozana Musa, perpindahan ini dibuat bagi memudahkan kerja setelah kedua-dua desasiswa ini bergabung menjadi satu desasiswa.

"Perpindahan ini dibuat bagi memudahkan urusan semua pihak pada masa akan datang", jelas Ina.

"Jika penghuni di Desasiwa Bakti Permai mempunyai masalah tentang penginapan, mereka perlu ke pejabat am Desasiswa Cahaya Gemilang", tambah Ina lagi.

Ina juga turut menjelaskan tentang penggunaan servis desk Desasiswa Bakti Permai untuk melaporkan sebarang kerosakan di desasiswa masih beroperasi seperti biasa.

USM Passport kurang dikenali umum

Oleh **TONG YIH HUEY**

USM Passport aplikasi telefon bimbit pintar hasil ciptaan Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT) Universiti Sains Malaysia (USM) yang boleh didapati di Google Play sejak 5 Februari 2015. Namun, aplikasi itu masih tidak dikenali umum dalam kalangan siswa-siswi.

Menurut Pegawai Teknologi Maklumat, Encik Adly Hussaini, USM Passport adalah sumbangan idea Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman. Aplikasi itu bertujuan mempamerkan portal Campus Online menerusi telefon bimbit pintar.

"USM Passport adalah aplikasi yang melambangkan identiti warga USM. Ia mengandungi profil, maklumat desasiswa dan maklumat akademik siswa-siswi USM. Hal ini membantu siswa-siswi mengakses kepada maklumat itu secara mudah", kata Adly.

Tambah Adly lagi, aplikasi itu juga menyediakan Kod Quick Response (QR), visi USM, sembilan tonggak APEX dan maklumat klinik panel bagi warga USM. Warga USM yang memiliki akaun e-mel USM dapat memuat turun dan mengaktifkan aplikasi itu.

Namun, aplikasi itu tidak digunakan secara meluas dalam kalangan siswa-siswi walaupun sudah lama diperkenalkan.

Tambahnya lagi, Kod QR yang disediakan dalam aplikasi itu berfungsi untuk mengambil kedatangan siswa-siswi dalam kuliah dan tutorial. Namun, Kod QR tidak dapat digunakan buat masa ini.

Menurut Low Jing Tong, Komunikasi 1, walaupun aplikasi itu telah diperkenalkan kepada siswa-siswi tahun satu semasa minggu orientasi sidang akademik 2015/2016, namun masih banyak yang tidak tahu aplikasi itu.

USM Passport adalah aplikasi yang melambangkan identiti warga USM. Ia mengandungi profil, maklumat desasiswa dan maklumat akademik siswa-siswi USM. Hal ini membantu siswa-siswi mengakses kepada maklumat itu secara mudah.

Higher education develops societal resilience and sustainability

Global High Education Forum 2016 (GHEF 2016) will bring experts from all over the world to share the role of higher education and experiences in developing various facets of sustainability and resilience, including societal and economic resilience, through case studies of specific countries and how academic intent is translated into action.

This theme is timely as the world is facing dramatic changes and challenges and higher education must be prepared to face it.

According to Assistant Registrar National Higher Education Research Institute (NAHERI), Noorazmahani Kasim GHEF 2016 will discuss on the ability of higher education to cope with the changes and disruptions internally and externally.

They will also focus on understanding how higher education systems, universities and the academic community respond to these ever-present changes and disruptions. Participants will be able to draw from each other's experiences and adapt best practices in strategising for the future.

According to Hani, the purpose is to engage a wide range of stakeholders through dialogues and debates to examine the role of higher education in developing resilience and ensuring sustainability.

Scholars, representatives and professionals from government agencies, higher education institutions, humanitarian and civil bodies, private business entities, non-governmental organisations and media will congregate in this biennial forum to discuss and share experiences of developing various facets of sustainability and resilience, including societal and economic resilience, through case studies of specific countries.

"We hope GHEF2016 will be successful in bringing together experts in higher education and the discussions in the forum will dissect the crucial issues of education sustainability. We hope that issues and opinions brought up in the forum will be taken up by participants from various countries and brought into considerations in their planning and developing their respective higher education framework. As for IPPTN, we hope this institute continues to play a vital role for the region dealing with higher education issues, thus positioning us as a key player in promoting research collaborations and human resource development in higher education", said Hani.

GHEF 2016 is co-chaired by Deputy Director General of Ministry of Higher Education, Datin Paduka Siti Hamisah, and Prof Dato' Dr Omar Osman, Vice-Chancellor of Universiti Sains Malaysia (USM). This event is jointly organised by Ministry of Higher Education and USM in collaboration with UNESCO Bangkok, LH Martin Institute and Commonwealth Tertiary Education Facility (CTEF) supported NAHERI.

This event will be held on 5-7 April at St Giles Wembley Premier Hotel in Penang Island.

We hope GHEF2016 will be successful in bringing together experts in higher education and the discussions in the forum will dissect the crucial issues of education sustainability. We hope that issues and opinions brought up in the forum will be taken up by participants from various countries and brought into considerations in their planning and developing their respective higher education framework.

Pensyarah komunikasi terima Anugerah Sanggar Sanjung USM 2015

Pensyarah Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Nurzali Ismail telah menerima Anugerah Sanggar Sanjung USM 2015 bagi kategori penerbitan jurnal sastera.

Nurzali yang ditemui sangat teruja atas penganugerahan tersebut dan berharap agar terus dapat menyumbang dalam memacu kecemerlangan USM melalui penyelidikan.

Beliau memfokuskan penyelidikan beliau dalam bidang penggunaan media baru terutamanya penggunaan media sosial dalam kalangan remaja di mana penggunaan media baru sering dianggap sebagai satu benda yang negatif.

"Penyelidikan saya berkenaan parental mediation penggunaan media sosial dalam kalangan muda dan bagaimana tahap-tahap mediasi tersebut digunakan oleh mereka. Di samping itu, ia mengkaji tingkah laku golongan remaja dalam penggunaan media sosial", katanya.

"Saya sangat berminat untuk melihat bagaimana golongan remaja menggunakan media sosial dalam aspek sosial dan aspek pendidikan", katanya lagi.

Beliau turut menyatakan bahawa penggunaan media sosial seringkali dikaitkan dengan sesuatu yang negatif. Namun begitu, media sosial mempunyai pelbagai fungsi iaitu sebagai alat komunikasi, sosial, perhubungan dan juga pendidikan. Beliau juga ingin membuat penyelidikan yang lebih mendalam tentang perkara tersebut.

"Sekarang saya sedang membuat dua jenis penyelidikan berkaitan dengan media sosial iaitu penggunaan media sosial dalam menangani jenayah dan penggunaan media sosial semasa krisis", katanya.

Beliau turut menerangkan bahawa kebanyakan individu memandang media baru sebagai sesuatu yang negatif tetapi pandangan tersebut merupakan satu pandangan yang salah kerana terdapat beberapa perkara yang dapat dipelajari oleh golongan remaja menerusi media baru terutama dalam penggunaan bahasa seperti bahasa Inggeris dan juga cara penyelesaian masalah.

"Saya turut berharap agar penggunaan media baru dalam kalangan remaja boleh diterima dan difahami oleh para pendidik dan ibu bapa. Terutama mengenai kenapa dan apa yang golongan remaja mahukan dan bagaimana penggunaan media dapat membantu mereka dari segi pembelajaran mereka", terangnya lagi.

Anugerah Sanggar Sanjung merupakan satu penganugerahan yang diberikan kepada kakitangan akademik dan juga Felo Skim Latihan Kakitangan Akademik yang cemerlang dalam penyelidikan dan aktiviti akademik setiap tahun. Terdapat sembilan kategori di bawah anugerah ini dan penerbitan jurnal merupakan salah satu daripadanya.

Kampungscape kongsi ilmu kelestarian

Oleh **NOR RITA AMIRAH MOHD SAMSUDIN**

Satu projek penyelidikan mengenai perkampungan lestari sedang dijalankan oleh para penyelidik dari Universiti Sains Malaysia (USM). Projek itu yang diberi nama The Kampungscape telah dikendalikan oleh kumpulan penyelidik Eco-Pro USM dari Pusat Pengajian Teknologi Industri.

Menurut pembantu penyelidik, Anizah Mohd Salleh, projek The Kampungscape ialah salah satu projek penyelidikan di bawah Knowledge Transfer Programme (KTP) USM. Mereka bukan sahaja sekadar melakukan penyelidikan di makmal tetapi juga melakukan demonstrasi secara praktikal iaitu dengan mengaplikasikannya di rumah yang telah dipilih.

"Objektif penyelidikan ini ialah mewujudkan sebuah perkampungan yang lestari daripada segi alam sekitar, sosial dan ekonomi. Perkampungan ini akan berkonsepkan The Kampungscape di mana kami akan membangunkan lanskap kawasan rumah penduduk yang telah dipilih", jelas Anizah.

"Buat masa ini, sebuah rumah penduduk Kampung Guar Nenas yang berkeluasan 0.7 ekar dipilih untuk projek The Kampungscape. Kami akan membangunkan kawasan kampung daripada segi lanskap dengan menekankan aspek kelestarian. Contohnya dalam pelupusan sisa sifar, kami akan menggunakan kembali botol atau bekas terpakai dengan lebih kreatif untuk lanskap rumah itu", jelas Anizah.

Beliau berkata, tiga sub projek akan diaplikasikan dalam The Kampungscape di kawasan rumah yang dipilih itu iaitu pengkomposan sisa, pelupusan sisa sifar terutama dalam pengurusan pembuangan plastik dan penternakan lebah kelulut.

"Kami akan memberi tips kepada tuan rumah cara untuk mengompos sisa, menggunakan botol plastik dalam aspek hiasan lanskap dan penternakan lebah kelulut. Kebetulan di kawasan rumah yang kami pilih, memang ada lebah kelulut bersarang, maka ia lebih memudahkan projek penternakan lebah kelulut ini", jelas Anizah lagi.

"Kami juga ada mengaplikasikan Rain Garden iaitu seolah-olah konsep Wetlands di kawasan rumah terbabit. Kebiasaannya, di kawasan kampung, sistem saluran dari sinki dapur terbuka tanpa ada penutup. Oleh itu, kami akan letak beberapa tanaman di saluran berlecak itu untuk menghindari bau busuk selain untuk menjadikan lanskapnya lebih cantik", tambah Anizah.

Beliau menambah lagi, The Kampungscape akan menjadi satu kawasan demonstrasi untuk dicontohi dan diikuti oleh penduduk kampung yang kemudiannya akan mengaplikasikan apa yang mereka lihat di kawasan rumah sendiri.

Pharmex 2015 offers health screening to public

School of Pharmaceutical Sciences (PPSF) of Universiti Sains Malaysia (USM) organised Pharmex 2015 on 16th November to 21st November in conjunction with USM 52nd Convocation Expo with the theme 'diabesity'.

" 'Diabesity' is a combination of diabetes and obesity. The reason why we chose 'diabesity' is because we wanted to focus on two main diseases which are now epidemic in Malaysia and also to the whole world. Thus, we came out with the theme and 'Life is sweeter with less sugar!' as the slogan", said the project director, Maziah Omar.

According to Maziah, Pharmex aims to educate public on the importance of health and also to enlighten the role of pharmacist to the public.

"This event also acts as a platform to let students experience the handling of health screenings and communicating with the public rather than just sitting in the lecture hall and studying all the time", added Maziah.

Maziah said that counselling sessions are also offered to the public and they are conducted by lecturers, PhD students, Master students and final year students as a platform to learn how to counsel patients about their health.

Besides health screening, Pharmex also demonstrate the formulation of drugs, traditional medicine and veterinary exhibition.



Students of School of Pharmaceutical Sciences checking glucose level and cholesterol level at Pharmex 2015 booth.

"Among the drugs formulation that were demonstrated were emulsion, mixture, cosmetics and insulin pen. The traditional herbs on display were Tongkat Ali, Misai Kucing, Kaduk and Belalai Gajah", explained Maziah.

Maziah also explained that the purpose of veterinary exhibition is to create public awareness about common diseases and medications used in animals since Veterinary is also offered as one of the elective subjects in PPSF.

PPSF also organised a blood donation campaign together with Pusat Sejahtera and Hospital Pulau Pinang which was held on 20th November 2015.

A cookie for the diabetic patients

The high demand of functional snacks or snacks that is low in Glymeric Indeks (GI) by diabetic patients or those who are health conscious had encouraged the innovation of DiabeSmile by Universiti Sains Malaysia (USM).

According to the inventor of DiabeSmile, Ng Szhe Han, DiabeSmile cookie was developed by utilising cinnamon powder as partial replacement for sugar while, oyster mushroom (Pleurotus sajor-caju) powder was used to partially replace wheat flour.

"DiabeSemile cookies will slow down the carbohydrate digestion and rate of glucose absorption into the intestine and it will increase the glycaemic response and helps in controlling diabetes", said her.

Ng hoped that the DiabeSmile could be available in the market as an alternative high-dietry fibre functional food for diabetic person as well as the rest of the population who wants to practice healthy lifestyle.

"During the National Innofest 2015, the product received positive feedback in terms of aroma, taste, appearance and texture from visitors and consumers and with its beneficial effects and sensory acceptability, I believed that consumption of this food product could increase daily dietary fibre intake of Malaysian and improve population's general health and well-being", she explained.

Deputy Dean Of Research from the School of Health Science, Associate Professor Dr Wan Rosli Wan Ishak said that the cookies which is made out of oyster mushroom powder will be a better choice for the people who are health conscious.

Besides, keeping one feeling full for longer time due with delaying gastric emptying rate, this could help prevent over-eating and obesity.

Ekskavasi Sungai Batu ubah sejarah tamadun Asia Tenggara

Sejak usaha ekskavasi dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Universiti Sains Malaysia (USM) di tapak arkeologi Sungai Batu pada tahun 2009, penyelidik berjaya menggali pelbagai penemuan ketamadunan rantau ini.

Menurut Pengarah PPAG USM, Profesor Dato' Dr. Mokhtar Saidin, segalanya bermula atas permintaan mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi untuk Jabatan Warisan Negara dan PPAG USM membantu melengkapkan data Lembah Bujang.

"Namun apa yang PPAG dapati, penemuan para penyelidik sebelum tahun 2007 hanya mewakili yang lebih muda daripada penghujung kurun keempat Masihi dan kebanyakannya candi Hindu-Buddha, padahal semua mengetahui Selat Melaka telah digunakan jauh lebih awal," katanya.

Tambah Mokhtar, PPAG mengambil pendekatan untuk membina semula sekitar Kuno Lembah Bujang untuk mengetahui kedudukan aras laut sekurang-kurangnya pada kurun pertama Masihi.

"Berdasarkan gambar udara, penginderaan jauh dan bukti penggerudian tanah mendapati, pada kurun pertama Masihi laut lebih tinggi daripada aras sekarang yang menyebabkan tapak Sungai Batu lebih hampir dengan laut manakala tapak lain yang ditemui oleh pengkaji awal seperti di Sungai Mas dan Pengkalan Bujang masih berada di bawah air pada ketika itu," jelasnya.

Pada tahun 2009, PPAG terus melakukan pemetaan dan berjaya memetakan 97 tapak dalam keluasan sekitar 4 km persegi. Penemuan di Sungai Batu memaksa data-data tentang sejarah tamadun serantau dikemaskini.

"Antara penemuan paling besar dan terpenting di Sungai Batu setakat ini, melibatkan monumen ritual di Tapak Sungai Batu 1 yang telahpun disahkan secara saintifik berusia kira-kira 2,000 tahun.

Binaannya amat unik dan setakat diketahui hingga hari ini, ia merupakan satu-satunya binaan ritual memiliki reka bentuk sedemikian di dunia," katanya lagi dalam Ceramah Arkeologi yang bertajuk Kompleks Arkeologi Sungai Batu, Tamadun Terawal Asia Tenggara anjuran PPAG yang dihadiri oleh kira-kira 500 orang pada 24 November 2015.

Tambahnya lagi, monumen ritual ini dikaitkan dengan amalan animisme iaitu penyembahan alam semulajadi masyarakat Sungai Batu pada ketika itu dengan struktur monumen yang dibina adalah berbentuk bulatan di dasarnya serta segiempat tepat di atasnya dan atas sekali terdapat bulatan kecil.

"Berdasarkan tangga naik ke atas bangunan yang berada di selatan tapak, monumen ini digunakan untuk penyembahan Gunung Jerai yang berada di utaranya.

"Dijangkakan agama Hindu-Budha di Lembah Bujang hanya bermula paling awal pada penghujung abad keempat Masihi yang menunjukkan masyarakat Melayu di Lembah Bujang bermula dengan kepercayaan animisme kemudiannya Hindu-Budha dan akhirnya Islam pada kurun ke-12 Masihi," kata Mokhtar.

Sebagai perbandingan, candi Borobudur di Indonesia hanya dibina pada kurun kesembilan Masihi, manakala Angkor Wat di Kemboja pula dibina pada kurun ke-12 Masihi.

Satu lagi penemuan penting di Sungai Batu melibatkan bengkel peleburan besi, yang menurut Mokhtar, membuktikan penguasaan teknologi tinggi dalam kalangan masyarakat purba di Sungai Batu ketika itu.

Sehingga kini katanya, pengkaji PPAG menemui lebih daripada 20 relau yang digunakan untuk melebur besi di Sungai Batu dan kawasan sekitarnya, membuktikan kehebatan tamadun Kedah Tua yang pernah wujud di Sungai Batu.

"Bukti peleburan besi ditunjukkan dengan kehadiran bijih besi, sisa besi, tuyere (peniup angin), sisa relau, arang dan abu pembakaran serta jutaan jongkong-jongkong besi ditemui ada yang tertanam dan ada yang timbul di permukaan tanah. Dengan menggunakan kaedah saintifik dipanggil Optically Stimulated Luminescence (OSL), hasil penemuan ini sudah berusia 535 sebelum Masihi atau lebih kurang 2,000 tahun lalu," tambahnya.

Mokhtar berkata sehingga kini, 54 tapak sudah dibuka, tujuh daripadanya masih dalam kajian pelajar, 13 tapak masih dalam proses ekskavasi dan 34 sudah siap meliputi penemuan 13 monumen pentadbiran, 5 bengkel besi dan 10 pelabuhan yang lokasinya bertentangan antara sama lain di antara sungai selebar 100 meter pada ketika itu.

"Sungai Batu Kuno ini menjadi kecil dan hampir dilihat seakan saliran parit. Di satu lokasi telah ditemui sebahagian kayu kemungkinan daripada sebuah kapal dan kini masih lagi dalam kajian PPAG," kata Mokhtar.

Menurutnya lagi, setakat ini masih banyak lagi yang sedang dikaji. Pengkaji masih belum menjumpai kawasan utama pentadbiran atau istana lama dan juga perkuburan.

Mokhtar menjangkakan potensinya berada di antara tapak Sungai Batu sekarang sehingga ke puncak Gunung Jerai melebihi keluasan 1,000 km persegi.

Pada pandangan Mokhtar, dengan penemuan industri berat bersama bukti ritual dan lain-lain jelas menunjukkan sistem sosial hieraki yang tinggi yang membuktikan Sungai Batu adalah sebahagian daripada tamadun Kedah Tua meliputi Lembah Bujang.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah menzahirkan komitmen tinggi untuk memastikan Tapak Arkeologi Sungai Batu diangkat sebagai sebuah tapak arkeo-pelancongan yang dilengkapi pelbagai kemudahan.

"Kini, melalui program pemindahan ilmu, pihak PPAG telah melatih 11 orang masyarakat sekitar Sungai Batu sebagai pemandu pelancong yang sudah mampu memberi pendedahan tentang tamadun Kedah Tua kepada para pelancong. Sehingga kini, hampir 7,000 orang pelancong datang melawat tapak arkeologi Sungai Batu," katanya lagi. **[mprc.usm.my]**

The historical tourism potential of Guar Kepah

A recent study conducted by the Centre for Global Archaeological Research (CGAR), Universiti Sains Malaysia (USM) have discovered that Guar Kepah in Seberang Perai, Penang is the only historical evidence of marine adaptation site by the prehistoric human settlers on the coastal side of Peninsular Malaysia.

This was disclosed by the Deputy Chief Minister II of Penang, Professor Dr. P. Ramasamy during the first Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) Workshop 2015 on 1 December at School of Social Sciences, USM.

In his welcoming remarks, Dr. Ramasamy said that the Penang State Government believes that Guar Kepah should be conserved and protected as part of a national heritage. With its rich history and the only prehistoric site in Penang, he supports the notion of reviving the proposed building of a historical gallery centre on a two acre field at the site. He said that this will indirectly contributes to the historical tourism industry.

Meanwhile, the director for CGAR, USM, Professor Dato' Dr Mokhtar Saidin said that the proposed move could create a new form of tourism.

"When you developed the site, you will come up with the product of archaeo-tourism and from there onwards you can gain from the economy", he said.

Speaking on the IMT-GT workshop event, Prof. Mokhtar hoped that the joint effort will mark a new beginning to preserve and conserve the regional's archaeological treasures.

The one day workshop includes talk and site visits to two historical sites – Sungai Batu in Kedah and Guar Kepah, Penang and its objective is to correlate the data collections between Guar Kepah and other sites around these three countries based on a 5,000 years of findings.

Graced by the Deputy Chief Minister II of Penang, the IMT-GT Workshop was also attended by delegates from Indonesia and Thailand, among them were Professor Dr Harry Truman Simanjuntak from National Research Centre of Archaeology of Indonesia and Professor Dr Rasmi Shoocongdej from Silpakorn University's Department of Archaeology of Thailand.

Tapak arkeologi Sungai Batu bakal berubah wajah

Penemuan tapak arkeologi Sungai Batu yang diiktiraf sebagai tamadun tertua Asia Tenggara apabila diekskavasi oleh kumpulan penyelidik USM yang diketuai oleh Profesor Dato' Dr. Mokhtar Saidin, bakal dibangunkan sebagai satu produk arkeo-pelancongan bertaraf dunia.

Dalam Ceramah Arkeologi Sungai Batu: Tamadun Terawal Asia Tenggara yang disampaikan oleh Profesor Mokhtar pada 24 November 2015, menceritakan tentang kronologi dan simulasi penemuan yang dirintis oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM, beliau mengesahkan bahawa cadangan untuk membangunkan Kompleks Tamadun Sungai Batu telah diusulkan kepada pihak kerajaan negeri Kedah Darul Aman.

"Kita telah mengusulkan kepada pihak kerajaan untuk membangunkan kompleks pameran supaya dapat menjana pendapatan yang lumayan dan lebih lestari. Kompleks itu bakal mempamerkan kehebatan dan keunggulan tamadun Sungai Batu melalui pembinaan muzium besi, muzium kapal dan muzium bata. Ini bukanlah perkara baharu di luar negara kerana terdapat banyak kompleks seumpamanya di Mesir, China, India, Itali dan Greece," kata Mokthar.

"Kita juga mencadangkan agar sebuah penempatan penduduk asal dibina semula di kawasan tersebut beserta kegiatan sosial dan ekonomi lengkap dengan pelakon. Tujuannya adalah untuk membuatkan pengunjung mendapat gambaran yang lebih jelas tentang kehidupan masyarakat Sungai Batu. Selain itu, kita juga bercadang untuk membina pintu gerbang laut yang berbentuk tuyere di Sungai Merbok," tambah Mokthar.

Lebih mengejutkan, penemuan relau lengkap dengan tuyer di Kampung Gading, Jeniang iaitu kira-kira 40km dari Sungai Batu telah menggambarkan keluasan tamadun berasaskan besi ini mencapai lebih 1000 km persegi. Selain itu, pasukan arkeologi USM turut menemukan beberapa penemuan penting seperti relau melebur besi, jeti pelabuhan dan bangunan pentadbiran.

Bagaimanapun, penemuan terpenting adalah monumen bulatan yang telah disahkan dibina pada tahun 110 Masihi iaitu 1,900 tahun dahulu. Monumen ini dipercayai digunakan untuk tujuan ibadat bagi penganutnya yang mengamalkan kepercayaan animisme.

Semetara itu Mohd Faisal Marzuki yang datang dari Kuala Kangsar, Perak, melahirkan kekagumannya dan menggangap penemuan-penemuan ini yang sedikit demi sedikit menyingkap rahsia kehebatan bangsa Melayu.

"Saya kagum dan bangga dengan penemuan ini. Selepas ini kita boleh mendabik dada kerana tamadun Sungai Batu merupakan tamadun yang unggul dan setaraf dengan tamadun dunia yang lain seperti tamadun Mesir, Rom, Babylon dan Indus. Saya rasa penerangan seperti ini perlu diperbanyakkan lagi bagi menyedarkan anak bangsa mengenai kehebatan nenek moyang mereka suatu ketika dahulu," ujarnya

Saya kagum dan bangga dengan penemuan ini. Selepas ini kita boleh mendabik dada kerana tamadun Sungai Batu merupakan tamadun yang unggul dan setaraf dengan tamadun dunia yang lain seperti tamadun Mesir, Rom, Babylon dan Indus.

7,317 orang siswazah USM terima diploma, ijazah pada Konvokesyen Ke-52 USM

Universiti Sains Malaysia (USM) pada 18 November 2015 yang lalu telah menyaksikan seramai 7,317 orang siswazah USM menerima pengiktirafan kedoktoran, ijazah pertama, lepasan ijazah luaran dan diploma sebagai satu pengiktirafan kepada mereka setelah tamat pengajian.

Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman dalam Ucaptama beliau dalam Sidang Pertama Upacara Konvokesyen Ke-52 USM, menyatakan USM komited dalam memastikan USM terus berada di hadapan dan menghasilkan siswazah yang berdaya saing dan hebat.

"Dalam erti kata yang lain siswazah USM perlu memiliki nilai-nilai holistik, keusahawanan, seimbang atau equilibrium, articulate dan juga menjadi pemikir dengan set minda yang bertaraf dunia", tambah beliau lagi.

Kecemerlangan yang menjadi kebanggaan USM dapat dilihat melalui pencapaian Pro Canselor USM, Tan Sri Razali Ismail sebagai tokoh diplomat dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Tan Sri Mustafa Mansur tokoh koporat dan perniagaan yang amat disegani.

Tidak kurang juga kejayaan Tan Sri Dr M. Jegathesan seorang tokoh perubatan dan ahli sukan disegani dan Tan Sri Datuk Dr Zulkefli A. Hassan dengan kepimpimpinan beliau dalam Kementerian Pendidikan Tinggi.

Konvokesyen USM kali ini, juga menyaksikan beberapa tokoh akademik dan juga pemimpin masyarakat kelahiran USM seperti Dr Mohamad Nasir, Menteri Riset Teknologi dan Pendidikan Tinggi Indonesia, Dr Prabakar Basaprabbu Kore yang menjadi tokoh dalam bidang kesihatan dan perubatan yang disegani di India, dan juga Profesor Emeritus Dato' Hassan Said yang merupakan seorang pernah menjadi Dekan dan kini sebagai Naib Canselor, Taylor Universiti.

"Persamaan mereka ini adalah minat dan kesungguhan mereka dengan dunia akademik dan juga kemasyarakatan dalam menabur bakti, mngorbankan masa dan tenaga mereka, sekaligus membuktikan kehebatan mereka dalam bidang masing-masing", jelas Omar.

Warga kerja Berita Kampus mengucapkan 'Selamat Menghadapi Peperiksaan Akhir' kepada semua siswa-siswi USM. Terima kasih atas sokongan pembaca sepanjang semester ini.

USM komited dalam Jaringan Rangkaian Akademia ASEAN

Oleh **NUR AWANIS ROSNI**

Universiti Sains Malaysia (USM) pada Upacara Konvokesyen Ke-52 pada 18 November 2015 komited dalam memperkukuhkan dan memperkasakan kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan melalui Rangkaian Akademia ASEAN yang melibatkan ahli akademik terkemuka Asia dan global.

Menurut Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman, menyatakan Jaringan Rangkaian Akademia ASEAN ini mampu membangunkan satu sinergi, ekosfera ilmu dan kekuatan bersama dalam konteks kepakaran dan jalinan akademik untuk masa hadapan di Asia.

"Dengan Jaringan Rangkaian Akademia ASEAN ini, kita dalam memanfaatkan sumber yang ada secara optimum dan usaha-usaha lain yang dapat memaknakan universiti-universiti dalam konteks global dan universal bermula dari rantau ASEAN ini", tambah beliau lagi.

Dengan mengambil semangat komuniti ASEAN, Profesor Dato' Dr Omar Osman menyatakan hasrat USM dengan mencadangkan Menteri Riset, Teknologi dan Pendidikan Tinggi Republik Indonesia, Dr Mohamad Nasir bersama-sama menjayakan hasrat ini dengan USM.

"Cadangan ini dibuat selaras dengan hasrat USM untuk terus bekerjasama dan memberi manfaat dari segi ilmu dan membantu dalam pelbagai isu alam dan kelestarian, seperti banjir, jerebu, tanah runtuh, dan lain-lain lagi", tambah Omar lagi.

Berbakti kepada universiti bawa tuah

Penglibatan Wee Soon Kit dalam menerajui serta menyertai pelbagai program selama empat tahun di Universiti Sains Malaysia (USM) adalah menyebabkan dirinya Berjaya merangkul Anugerah Pingat Emas Pemimpin Terbaik bagi Upacara Konvokesyen ke-52 USM.

Anugerah tersebut disampaikan oleh, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra di Dewan Budaya USM.

Menurutnya, anugerah itu sangat bermakna buat dirinya kerana anugerah ini dapat meningkatkan semangatnys menjadi seorang yang lebih hebat dan baik. Idolanya ialah Naib Canselor USM iaitu Prof Dato' Omar Osman.

"Saya sentiasa menyokong setiap aktiviti yang dijalankan oleh universiti dan saya sendiri menjalankan pelbagai program kelestarian di bawah kelolaan Kampus Sejahtera USM", jelasnya

"Siswa-siswi perlu mempunyai keyakinan dan keberanian dalam mencapai sesuatu kejayaan serta perlu bergiat aktif sepanjang berada di USM untuk menimba pelbagai pengalaman, ilmu dan menambah kenalan ", tambah Wee.

"Terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga, semua pegawai USM, rakan-rakan yang selalu memberi tunjuk ajar, dorongan dan ilmu kepada saya", tambah Wee lagi.

Wee membawa pulang pingat emas, sijil dan RM2,000.

Prof Omar syukur terima Anugerah TSRM



Prof Omar menunjukkan sijil yang diterima oleh beliau sebagai antara saintis terbaik negara.

Penerima anugerah Top Research Scientist Malaysia (TSRM), Profesor Ir. Dr. Mohd Omar Abd. Kadir dari Pusat Pengajian Teknologi Industri (PPTI) Universiti Sains Malaysia (USM) berasa syukur apabila menjadi salah seorang dari penerima anugerah TSRM pada 31 Oktober yang lalu.

Prof Omar berkata anugerah TSRM itu penting untuk USM kerana mampu menaikkan nama dan taraf USM sebagai universiti awam yang bagus.

"Anugerah TSRM ini dipilih berdasarkan kuantiti tertentu. Tahun ini hanya 14 orang sahaja yang dipilih sebagai calon penerima anugerah TSRM selepas ditapis daripada 300 orang", katanya lagi.

Tambah Prof Omar lagi, calon penerima TSRM itu dipilih melalui tiga ciri iaitu dari segi penjanaan ilmu, penyebaran ilmu dan kesan daripada hasil penyelidikan.

Prof Omar juga berharap supaya melalui anugerah TSRM itu beliau dapat mendidik siswa-siswi dengan baik seperti mampu menyelesaikan masalah, berakhlak baik, dan dapat menabur bakti di USM seterusnya mengharumkan nama USM.

Tahun ini hanya 14 orang sahaja yang dipilih sebagai calon penerima anugerah TSRM selepas ditapis daripada 300 orang.

Program susulan transformasi negara perlu diteruskan

Program susulan transformasi negara untuk siswa-siswi diadakan demi membentuk pemimpin masa hadapan dengan memberi pendedahan mengurus sendiri beberapa aktiviti yang telah dirangka oleh pihak pengurusan.

Penolong Pengarah Biro Tatanegara Negeri Pulau Pinang, Mohd Sufian Abu Hasaan berkata demikian pada kem yang berlangsung di Kalumpang Resort and Traning Centre, Selangor pada 6 hingga 9 November 2015.

Tambah Sufian, kem ini adalah lanjutan daripada kem yang telah diadakan sebelum ini. Peserta yang terlibat adalah peserta yang terbaik sahajad dan kem iini dipantau sepenuhnya oleh seorang pegawai dan fasilitator.

"Kem ini bukan sahaja menerapkan sifat patriotisme dalam kalangan peserta, kem ini turut menerapkan nilai murni seperti sifat sayangkan alam semulajadi. Hal ini kerana, semasa kem tersebut berlangsung, peserta sepenuhnya dikelilingi alam semulajadi dan ia merupakan salah satu platform untuk membuatkan mereka menghargai alam sekitar mereka", jelas Sufian.

"Kami memilih peserta daripada USM kerana USM merupakan salah satu universit yang paling banyak mengadakan kem dengan Biro Tatanegara. Selain kem Majlis Perwakilan Pelajar, Pembimbing Siswa Lestari, Kor Suksis dan Persatuan Himpunan Anak-Anak Kelantan turut mengadakan kem bersama kami. Kem sebegini bukan hanya untuk menyatukan mereka, malah untuk berkongsi idea antara satu sama lain untuk menjadi pemimpin", jelas Sufian lagi.

Beliau mengharapkan program sebegini mampu mengubah seseorang peserta dalam semua aspek. Pelbagai latar belakang dan kumpulan yang berlainan terlibat pada kem kali ini. Mereka tetap boleh bekerja dalam satu kumpulan dan bertukar idea antara satu sama lain untuk menjadi pemimpin pada masa hadapan.

Menurut Mohamad Zul Ikmal Suhaimi, 2,Sains Kemasyarakatan, kem ini dapat mengukuhkan jati diri seseorang untuk menguruskan sesuatu kerja, menambahkan kenalan dan semangat patriotisme, malah sifat kerjasama antara kumpulan juga terbukti. Zul Ikmal juga merupakan peserta yang terbaik semasa kem tempoh hari.

Tambah Ikmal lagi, kem itu juga menguji tahap ketahanan mental dan fizikal serta kesedaran seseorang.

Siswa-siswa USM-KLE berbakti di Aceh



Siswa-siswi USM-KLE bekerjasama dengan PKPU cawangan Aceh bagi membekalkan bekalan air bersih kepada penduduk Kg Gampong Lamkruet dan Lokgna, Banda Aceh, Indonesia. GAMBAR Nursyamimi Ayuni Adzmi

Oleh **RUZIATUN AMIRAH ISMAIL**

Yuk Aceh 2015 adalah program amal antarabangsa yang dianjurkan oleh sekumpulan siswa-siswi perubatan Universiti Sains Malaysia (USM)-KLE International Medical Programme (IMP), Belgaum, India di bawah Biro Akademik Program Medicine Society (MEDSOC).

Program ini ialah program amal antarabangsa yang ingin merasa kesusahan yang dialami oleh segelintir masyarakat dan ingin terlibat sama dalam misi bantuan kemanusiaan dengan membantu golongan yang memerlukan di Aceh.

Menurut pengarah projek, Wan Sharifah Othman, salah satu sebab mengapa mereka memilih Acheh, Indonesia untuk projek pertama mereka adalah kerana sejarahnya.

Acheh ialah tempat di mana penyebaran Islam terutama di Asia Tenggara bermula.

Menurut peserta Yuk Acheh, Nursyamimi Ayuni Adzmi, USM-KLE mengambil keputusan untuk menganjurkan program ini kerana mahu membantu penduduk tempatan yang masih bergelut dengan isu-isu tertentu seperti pendidikan dan kesedaran kesihatan.

Pada dasarnya mereka memberikan bantuan dari segi bantuan perubatan, kesedaran kesihatan, aspek pendidikan dan sumbangan kewangan.

Aktiviti-aktiviti yang telah dirancang telah dijalankan dengan bantuan dan kerjasama daripada sebuah badan bukan kerajaan yang berpangkalan di Indonesia iaitu Parti Keadilan Peduli Ummah (PKPU).

Selain itu, mereka juga berharap program ini dapat menjadi platform yang baik dan bagi memberi pendedahan kepada siswa-siswi perubatan USM-KLE IMP untuk menjadi seorang doktor yang boleh berkhidmat kepada rakyat dan meningkatkan kualiti hidup tanpa mengira perbezaan agama, bahasa, budaya, status sosial dan kewarganegaraan.

Mereka mengharapkan seorang doktor masa depan yang melampaui sempadan selaras dengan tema projek itu iaitu 'Doktor Di Luar Sempadan'.

Muslims can be liberal in worldview but not in religion

A forum entitled The Answer of Islam: Life is a Question, Islam is the Answer was conducted to discuss the basic underlying teachings and akidah of Islam with the President of Multiracial Reverted Muslims, Firdaus Wong Wai Hung was invited as the speaker to talk about his conversion into Islam.

"Islam does not allow the usage of intellect as forefront in interpreting religion because Islam must be understood based on one's faith and not in logical aspects", says Firdaus.

According to Firdaus, not every single thing in Islam can be defined logically but most of it does apply to the sense of logic. Islam also encourages liberal perspective in worldview but it must be conservative in terms of religion.

Firdaus also mentioned how the Islamic scholars such as the Muslim mathematician, Al Kawarizmi and the Muslim chemist, Jabir ibn-Hayyan proved to be vital resources during the dark ages of Europe that helped them to step into the period of Renaissance or the golden ages of Europe from studies of algebra, chemistry, geology and many more

"I converted to Islam when I was 22 years old because I found that my life was running emptily without any motive, and when I discovered Islam, I felt that I have returned to the religion of fitrah (Islam) which gives me peace and happiness", says Firdaus.

According to Firdaus Islam itself derived from three basic words of Arabic; Salam (peace), Salimah (originality or genuineness) and Aslamah (surrender oneself to the Almighty).

"To achieve peace in your life, you have to surrender yourself to the Almighty while believing and following the genuine religion which is Islam", claims Firdaus.

"People who kill in the name of Islam, it is not necessary they will be granted heaven because that is not the teachings of Islam. It is not impossible for a non-Muslim who do good deeds to attain heaven because the cause of action is important", answered Firdaus to the question regarding terrorism in the name of Islam.

According to Firdaus, the common stereotypes among Malaysians are, Islam is often equated with Malays and everything done by Malays are considered as teaching of Islam. However, that is not the case because culture and customs play different role.

Firdaus said that the Quran can be touched and recited by everyone, not Muslims alone. If not, how non-Muslims would understand about Islam without reading the Quran.

The forum was held at Dewan Kuliah G 31, on 23 November 2015, attended by 100 students.

Islam does not allow the usage of intellect as forefront in interpreting religion because Islam must be understood based on one's faith and not in logical aspects.

BJIM USM jalin kerjasama dengan B. BRAUN

Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM), Universiti Sains Malaysia (USM) hari ini mengorak selangkah ke hadapan dalam hubungan dan jaringan dengan pihak industri dengan menjalinkan kerjasama dengan B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd. (B. Braun) pada 30 November 2015.

USM yang diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Omar Osman manakala B. Braun diwakili oleh Presiden B. Braun Asia Pasifik, Anna Maria Braun menandatangani Memorandum Perjanjian untuk bekerjasama dalam penyelidikan yang berkaitan dengan industri peralatan perubatan.

Menurut Naib Canselor, jalinan kerjasama ini dapat memberikan pelbagai kelebihan kepada kedua-dua pihak dan USM juga ada menawarkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah kepada industri yang berminat untuk menghantar kakitangannya melanjutkan pengajian.

"USM pada tahun ini telah melahirkan seramai 886 orang graduan Doktor Falsafah dalam pelbagai bidang dan USM menggalakkan staf dalam bidang penyelidikan di industri untuk menjalankan penyelidikan bersama USM," kata Omar.

B. Braun telah lama bekerjasama dengan USM melalui pelbagai medium termasuk menerima siswa-siswi USM untuk latihan industri serta memberikan sumbangan kepada pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral, Profesor Dr. Srimala Sreekantan untuk menjalankan penyelidikan "Studies on Bacterial Agent Filled Polypropylene or Polyurethane for Antimicrobial Application".

B. Braun yang ditubuhkan pada tahun 1837 di Jerman dan 1972 di Malaysia mempunyai lebih 54,000 orang kakitangan di 62 buah negara dengan moto 'Sharing Expertise'. B. Braun juga adalah syarikat pengeluar peralatan perubatan.

"Penyelidikan dalam bidang perubatan ini perlu dijalankan secara berperingkat dan B. Braun akan terus bekerjasama dengan USM melalui pelbagai jabatan yang berkaitan dengan bidang kami," kata Anna yang juga pernah mengadakan lawatan ke Institut Perubatan dan Pergigian Termaju USM di Bertam.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) USM, Profesor Dato' Dr. See Ching Mey, Pengarah Industri BJIM, Profesor Madya Dr. Mutharasu Devarajan dan Pengarah Komuniti BJIM, Syed Yusuf Syed Kechik, Timbalan Presiden Kanan B. Braun, Dr. Juergen Schloessor serta pengurusan tertinggi B. Braun. **[mprc.usm.my]**

Siswa-siswi rebut peluang berniaga

Siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) berpeluang berniaga semasa Ekspo Konvokesyen (Convex) yang berlangsung pada 16 hingga 21 November 2015 di Tapak Konvo sempena Upacara Konvokesyen ke-52 USM.

Ketua Jabatan Koridor Niaga, Koh Yong Lik, berkata tempahan tapak jualan semasa Convex dilakukan melalui pembelian borang lot niaga pada 19 hingga 20 Ogos yang lalu. Tempahan perlu dibuat awal untuk memudahkan urusan pengurusan koridor niaga.

Menurutnya, 130 buah gerai disediakan dalam Convex. Gerai jualan siswa-siswi USM terdiri daripada ahli kelab dan persatuan anak negeri yang menjual pelbagai jenis makanan, minuman, pakaian dan cenderahati.

"Ini satu peluang untuk siswa-siswa USM mendapat pengalaman positif mengenai bidang keusahawanan dan saya percaya ia mampu menarik minat lebih ramai siswa-siswi USM untuk berniaga pada Convex yang akan datang", kata Koh.

Menurut Pengarah Projek gerai Perkumpulan Mahasiswa/i Anak Terengganu (PERMATA), Nor Saodah Abdullah, Convex tersebut memberi peluang kepada siswa-siswi USM untuk berniaga dalam situasi sebenar. Convex mediun yang terbaik untuk merangsang aktiviti keusahawanan siswa-siswi USM.

"Gerai PERMATA menyediakan juadah utama dari Terengganu iaitu keropok lekor dan nasi dagang, di mana bahan-bahan diambil dari Terengganu kerana ingin memberi orang utara merasai dan tahu keistimewaan makanan Terengganu", kata Saodah.

KPP bantu siswa-siswi untuk jadi seorang usahawan vendor yang berjaya

Kursus Pengurusan Perniagaan (KPP) memberi input dan pengetahuan kepada peserta mengenai perniagaan berkonsepkan vendor yang kini giat diceburi oleh para usahawan muda.

Menurut penyampai KPP, Salihin Ismail, perniagaan berkonsepkan vendor memberi peluang kepada peniaga atas talian untuk memasarkan barang mereka dan berpeluang untuk mengembangkan perniagaan.

Salihin ialah seorang usahawan yang jalankan 'vendor concept boutique' yang dikenali sebagai Orked.co yang terletak di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Permatang Pauh, Pulau Pinang. Beliau mempunyai 70 vendor dalam perniagaannya.

KPP dianjurkan oleh Kelab MyAgrosis USM dengan bimbingan daripada Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP) USM dan Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang.

Menurut Pengarah Projek KPP, Nur Hidayah Abd. Wahab, objektif KPP adalah memberi pendedahan dan idea kepada siswa-siswi yang berminat untuk mengendalikan sesebuah perniagaan berkonsepkan vendor.

"Kami mengadakan KPP untuk berkongsi ilmu dan pengalaman daripada usahawan luar bersama dengan siswa-siswi yang berminat dalam perniagaan. Kami sendiri daripada Kelab MyAgrosis USM telah menjalankan sistem vendor di K-Shoppe MyAgrosis USM selama satu bulan dan kami sedang berusaha untuk menjadikan sistem ini lebih sistematik", kata Hidayah.

Menurutnya, tema KPP adalah 'Revolusi perniagaan vendor melahirkan usahawan siswazah' yang bermaksud melalui kursus tersebut, ramai siswa-siswi akan berminat untuk menceburi bidang perniagaan terutamanya berkonsepkan vendor.

Menurut Sarina Fadhil Stephen, Pengurusan 3, beliau berminat dengan perniagaan berkonsepkan vendor dan memperoleh pengetahuan yang mendalam mengenai perniagaan vendor melalui kursus ini.

"Saya juga ingin menjadi seorang usahawan vendor dan kemungkinan menjadikannya sebagai kerja sampingan saya", katanya.

Alumni USM Sarawak diminta bantu USM dan masyarakat, USM lancar Jelajah Borneo

Harapan agar Alumni Sarawak untuk terus kembali bersama-sama Universiti dalam memberi apa jua bentuk sumbangan bakti kepada pembangunan Universiti Sains Malaysia (USM) khususnya dan masyarakat amnya amatlah dialu-alukan oleh Universiti.

Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman dalam ucapannya pada Majlis Makan Malam Perdana Alumni USM Sarawak di Hotel Imperial, Kuching, Sarawak pada 27 November 2015 berharap program khas untuk membawa pelajar-pelajar Borneo untuk melanjutkan pengajian mereka dalam bidang yang lebih tinggi di USM dapat disokong sepenuhnya oleh Persatuan Alumni USM Sarawak.

Pada majlis tersebut Naib Canselor USM turut melancarkan Program USM Jelajah Borneo – Jom Masuk USM, yang akan bermula pada awal tahun 2016.

"USM merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menganjurkan majlis ini dan mengalu-alukan kunjungan Presiden serta seluruh ahli Persatuan Alumni USM Sarawak ke kampus USM yang sudah pastinya akan menyediakan pelbagai aktiviti menarik yang mampu menggamitkan kenangan lama," kata Omar.

Sementara itu, Presiden Persatuan USM Alumni Sarawak, Dr. John Phoa Chui Leong berkata, pihaknya akan bersama-sama membantu dan menyokong penuh Program USM Jelajah Borneo dalam mencapai hasratnya.

John Phoa berkata, Persatuan Alumni USM Sarawak kini dalam perancangan untuk menerbitkan 'Who's Who' yang akan memaparkan kisah-kisah para alumni USM di Sarawak yang telah berjaya.

"Persatuan Alumni USM Sarawak turut akan membantu menjana kutipan dana untuk Tabung Kanser Negara," katanya.

Kira-kira 100 alumni USM hadir pada majlis berkenaan.

Turut hadir memeriahkan majlis makan malam perdana ini ialah ADUN Saribas Mohd. Razi Sitam dan Pengarah Belanjawan, Negeri Sarawak, Datu Junaidi Reduan. **[mprc.usm.my]**

Desasiswa Nurani juara DPNC 2015

Desasiswa Nurani telah menjuarai Debat Piala Naib Canselor USM bagi sidang 2015/2016 kali ini yang diadakan di Kampus Induk USM pada 29 November 2015.

Jerry Valence Dio Jacob dianugerahkan pendebat terbaik dan kumpulan dari Desasiswa Tekun merangkul naib juara dalam debat kali ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pengelola program pada kali ini iaitu Majlis Perwakilan Desasiswa Cahaya Gemilang Dan Bakti Permai atas usaha menjayakan program.

Hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh Pengarah Pembangunan Pelajar, Sukarelawan, Kebudayaan, Kepimpinan, Kaunseling, Kerjaya dan Kajian Pengesanan Graduan, Dr. Nazarudin Zainun. **[mprc.usm.my]**



Trawlers of the turbulent tides

Much like a man's dancing precariously to the thundering beats of a drum, the mighty waves came crashing and rolling in ferociously to the wind's violent desire during the monsoon season. It is usually around this time of the year that most Malaysians and the people of surrounding regions braced themselves for the oncoming wet and notoriously rainy months ahead.

As the clouds of gloomy weather linger up ahead, a group of Chinese fishermen in Gertak Sanggul,Penang were seen sitting in their handmade wooden hut with sheets of metal zincs formed as its roof and built just a few meters away from where their boats are tied up.

Contemplating on the expected arrival of the monsoon season at any time soon, the fishermen seem to be worried that it would disrupt their flow of income which they solely depend on for their daily survival. Much like how the transient motion of an ocean's tide rises and fall, the livelihood of these fishermen relies heavily on luck and resolute.

Choo Kai Han, 45, explained to Berita Kampus how his livelihood would be affected once the monsoon season, that most probably reaches Gertak Sanggul towards the end of November, arrived.

"The most terrible monsoon would make us stranded for one month without any chances of sailing into the sea that eventually left us deprived of enough money to attain foods and basic necessities", said Han.

"We only eat *moi* (porridge) with salted fish during monsoon season as savings might be used up earlier than expected and odd jobs would not guarantee a decent pay", says Han.

Tan Huat Teh, 57, the oldest and a veteran fisherman in the village with over 40 years of experience was sitting in his hut with his bulky dog swinging its tail as it greeted visitors and remained on his side without a single bark thus retaining the calmness of the evening sky.

"During monsoon season, I always have to depend on my previous savings that I managed to save by selling those fishes, shrimps or crabs but it is always not enough as my family is too big with 11 children to be taken care", said Teh.

While their savings plays a vital role in determining their livelihood, the utmost question remained a riddle as their main source of income are uncertain for a timely period and what exactly is their economic livelihood that helps them to survive is yet to be unraveled.

"We do not know anything else other than fishing. In that case, we depended on our wives who are working at the factories with RM1,000 as a guaranteed monthly pay but it is not the situation for us (the fishermen)", said Han.

But for another fisherman from the neighbouring fishing village in Gertak Sanggul claims that, during monsoon, they will work in nearby companies or factories and sometimes they will open a small stall to sell cakes (kuih) around the neighbourhood.

About 6 foot tall, tanned skinned man, most probably due to the sun exposure in the seas during fishing, Yakob Abdul Wahab said that he and his wife set a stall that sells malay delicious such as curry puff, pudding, kuih lapis and many more at their low-cost flat.

"We have to find some other income as my wife is not working and my two kids are still studying in primary schools. A good parent would never let their kids to starve no matter how hard their lives become", said Yakob.

Yakob and wife, Salamah Abdul Bakar, 45, greet every people with a sweet smile as if they are the happiest people in the world without anything to worry about. They earn between RM70 to RM80 per day without deducting their expenses for each day. However, their earnings would be exactly on the neck, enough to eat.

Meanwhile, Amir Samad, a fisherman from Penaga, Seberang Perai Utara explained that he works in the paddy field during monsoon season where his daily chores would be spraying pesticides as well as fertilising the paddy fields.

"The pay on spraying pesticides and fertilising depends on the square feet of the ground that I cover for per day which stands at RM20 for a square feet, and I earn about RM100 on the working days", said Amir.

Despite of all these odd jobs that help them floating in the midst of hunger and meager pays, most of the fishermen says that they do not have anything to do during monsoon season except than wait for the sea to calm down.

While registered fishermen under LKIM are given diesel subsidies where one liter is equivalent to RM1.25, but the fundamental conflict is the reality that most of the fishermen are not registered and does not have a valid license that enables them to obtain subsided diesel.

Most of the times, these fishermen spend their time cleaning their boats and repair their trawls which goes faulty almost once in two weeks.

"We are allocated with four trawls each year by the Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) but that is not enough at all because we have to use almost 12 trawls in three months' time", argued Han.

Han is also disappointed with the price of trawls that keeps on increasing without any regulations by the authorities, where the current price of a fishing trawl (pukat ikan) is RM95 and a shrimp trawl (pukat udang) is RM100, but the price of one kilogram of fishes has increased from RM38 to RM40 since 20 years ago.

"How will we survive if this continues every year when our complaints against these disparities went into deaf ears", questioned Teh, the man who spent half of his life in fishing and never enjoyed a greater profit than his bosses who own the boats.

While registered fishermen under LKIM are given diesel subsidies where one liter is equivalent to RM1.25, but the fundamental conflict is the reality that most of the fishermen are not registered and does not have a valid license that enables them to obtain subsided diesel.

"The new e-system that is being used by LKIM to register fishermen is quite difficult as we are not equipped with computers or laptops that have an internet connections, so eventually we just remain as an unregistered fishermen", says Yakob.

The parties that enjoy a huge amount of profit from this unregistered fishermen are the bosses who sell diesel to them at the price of RM2.05 per liter, which is a difference of RM0.80. These bosses are also the people who collect rental of the boats and buy the catches from the fishermen at a low price and sell it in the market.

Yet the fishermen are also burdened with monthly house rentals that stay at RM300 and the monthly allowance of RM300 by LKIM seems to disappear before it even leaves their wallets.

[LEFT]
EARLY EXPOSURE…
The children of the fishermen playing nearby the beach as they await for their father to return home from the sea.

[RIGHT]
SILENT BIDDING IN ACTION…
A bidder whispers to the ear of a seller in one of the *berbisik* auction.



The whispers of Pasar Bisik

Menurut Liew, beraneka jenis lauk disediakan untuk pelanggan. Pengusaha gerai lebih banyak menggunakan sayur-sayuran agar dapat memberi persepsi baharu kepada para umum bahawa vegetarian juga enak dimakan tanpa digoreng. Pemuda-pemudi pada hari ini lebih menggemari makanan goreng dan cepat dimasak dan kesihatan muda terjejas.

Tambahnya lagi, siswa-siswi yang terlibat dalam aktiviti itu dapat mempelajari teknik memasak makanan vegetarian dan menimba pengalaman dalam merancang sesuatu program.

Aktiviti ini berlangsung dari 17 hingga 20 November, di Tapak Konvo.

Bampish Barbershop bakal dibuka Disember

Oleh **NUR KHAIRINA KAMAL**

Servis gunting rambut yang ditawarkan oleh Bampish Barber bakal dibuka pada 9 Disember ini bertempat di bangunan Kor Sukarelawan, Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut pemilik Bampish Barbershop, Mohamad Hafiz Zakaria, Seni 2, servis gunting rambut yang akan beroperasi bermula Disember ini bakal memudahkan siswa mendapatkan harga yang berpatutan dari RM5 hingga RM10.

"Saya membawa konsep old school dalam perniagaan ini kerana zaman dahulu, masyarakat hanya menggunting rambut di bawah pokok dan di tepi-tepi jalan sahaja. Malah, servis sebegini kerap menjadi tarikan kepada siswa," ujar beliau

Tambahan Hafiz, dia juga membuat servis ini secara kecil-kecilan di desasiswa dan dikenali dalam kalangan siswa menyebabkan pelanggannya terdiri daripada siswa, staf mahupun pelajar antarabangsa.

Salah seorang pelanggannya, Dai Yoshie, pelajar pertukaran menyatakan, servis yang diberikan Hafiz sangat memuaskan. Pelanggan juga dibenarkan memilih fesyen rambut yang diinginkan dan mengikut trend semasa.

Sesiapa yang berminat boleh menghubungi beliau di talian 017-2379876 melalui Whatsapp untuk tempahan.

Kayuhan amal kumpul dana

Bagi menyokong usaha melahirkan warga kampus sihat dan sebagai khidmat sukarela mengumpul dana untuk disumbangkan kepada rumah anak yatim. Perkumpulan Mahasiswa/i Selangor dan Wilayah Persekutuan (PERMAS) Universiti Sains Malaysia (USM) menganjurkan programa Kayuhan Amal Jom Bantu dan Sihat, pada 22 November yang lalu.

Program tersebut bertujuan mengumpul dana untuk didermakan kepada rumah anak yatim di Jalan Scotland dan Air Hitam, Pulau Pinang melalui aktiviti berbasikal. Selain itu, program tersebut ingin memperkenalkan gaya hidup sihat dengan berbasikal kepada siswa-siswi di dalam kampus USM di samping beramal kepada masyarakat yang memerlukan.

Menurut, Pengarah Projek, Nor Ameera Anas, hasil kutipan daripada program tersebut akan disalurkan kepada program PERMAS yang seterusnya iaitu program Gift4kid yang berlangsung pada 28 November. Dalam program tersebut PERMAS melawat ke rumah anak yatim untuk menghulurkan sumbangan.

"Program ini mendapat kerjasama daripada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) USM, dan juga penajaan makanan daripada Piqapen Enterprise. Program kayuhan ini bermula di Padang Kawad dan berakhir di Tasik Fajar Harapan setelah melalui tiga titik semak yang melibatkan seluruh kawasan kampus USM", kata Ameera Anas.

Menurut Ameera Anas lagi, program tersebut pertama kali diadakan. Ia adalah inisiatif baru PERMAS untuk mengalakkan siswa-siswi mengamalkan gaya hidup sihat sambil beramal.

Sementara itu, peserta kayuhan amal, Nur Azura Mohammad menyatakan bahawa program sebegitu bermanfaat kepada beliau kerana dapat menyihatkan badan sekaligus dapat membantu masyarakat.

Program tersebut bertujuan mengumpul dana untuk didermakan kepada rumah anak yatim di Jalan Scotland dan Air Hitam, Pulau Pinang melalui aktiviti berbasikal.

Siswa-siswi prihatin terhadap masyarakat

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) serta Kor Sukarelawanan USM telah menjalankan projek pemberian makanan kepada gelandangan di KOMTAR dan sekitar Masjid Kapitan Keling Pulau Pinang.

Menurut Exco Kebajikan MPP USM , Mohd Hazim Abdul Manaf, "Objektif sebenar program ini adalah untuk merapatkan ukhwah antara dua buah universiti dengan gelandangan. Bukan itu sahaja, ia juga mendekatkan diri siswa-siswi dengan gelandangan apabila siswa–siswi sendiri yang turun memberi sendiri makanan tersebut".

"Siswa-siswi perlu kembali untuk berbakti kepada masyarakat. Hal ini kerana, kita perlu menyedari bahawa masih ada masyarakat yang memerlukan pertolongan. Di samping itu, siswa-siswi dapat melihat sendiri kesusahan yang dialami oleh gelandangan dan melahirkan rasa syukur kepada semua peserta yang terlibat", kata beliau.

Menurut Yang Dipertua MPP UMP, Madyasir Ahmad Basir, "program ini dapat mendekatkan diri siswa-siswi dengan masyarakat, selari dengan hasrat universiti iaitu UMP sebagai universiti komuniti. Ia juga memberikan pengalaman praktikal kepada peserta untuk merasai sendiri proses mendekati gelandangan".

"Selain itu, ia melahirkan rasa syukur dan empati terhadap keadaan hidup gelendangan dalam diri siswa-siswi dan para peserta kem secara khususnya. Jadi aktiviti memberi makanan kepada gelendangan ini sedikit sebanyak meningkatkan lagi ukhwah dan kerjasama antara MPP dan para peserta ", tegas Madyasir.

Asas akidah mantap pencetus semangat kerja

Oleh **NOOR SHAHIRAH SHAFIE**

Pusat Transformasi Insan (PTI) telah menganjurkan ceramah 'Transformasi Qalbun: Pemantapan Ibadah Ke arah Kecemerlangan Kerja' untuk memantapkan asas akidah, ibadah dan akhlak staf Universiti Sains Malaysia (USM). Ceramah "Transformasi Qalbun: Pemantapan Ibadah Ke arah Kecemerlangan Kerja' telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Islam USM, Yusof Abdul Rahim dan Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam USM, Muhammad Shukri Osman.

"Asas akidah yang mantap mampu melahirkan pekerja yang berwibawa dan amanah dalam tugasnya", kata Muhammad Shukri.

"Setiap hari sebelum pergi ke tempat kerja kita seharusnya membaca doa dan berniat untuk melakukan perkara baik", terang Shukri.

Staf USM yang hadir turut berkongsi doa-doa yang selalu mereka baca pada sesi perkongsian pendapat. Kebanyakan daripada mereka berdoa untuk kebaikan mereka di dunia, akhirat dan semoga mendapat hidup yang berkat" jelas Shukri.

Menurut Timbalan Pusat Islam, Yusof Abdul Rahim, ini adalah program bersiri yang bakal tampil dengan tajuk dan pengisian berbeza. Beliau berharap staf USM dapat manfaat daripada program ini dan mampu menambahkan ilmu agama yang baru.

"Tujuan program ini adalah memberikan peluang kepada staf USM untuk belajar ilmu agama kerana dengan akidah, ibadah dan akhlak yang mantap mampu melahirkan pekerja yang berintegriti", jelas Yusof.

"Kami boleh berkongsi ilmu yang kami dapat dengan rakan sekerja yang tidak dapat hadir pada program kali ini kerana kami mahu sama-sama membangun dan melakukan yang terbaik untuk menjadi pekerja yang amanah dan cemerlang", ujar peserta program, Ruhaiza Abu Bakar.

Kesedaran siswa-siswi tentang derma organ meningkat

Program Pendermaan Organ yang dianjurkan oleh sekumpulan siswa-siswi dalam WSU101 kursus kelestarian dengan kerjasama Hospital Pulau Pinang telah berlangsung pada 2 hingga 3 November 2015 bertujuan memberi kesedaran kepada siswa-siswi tentang kepentingan pendermaan organ disamping memberi peluang untuk mendaftar menjadi penderma organ.

Hospital Pulau Pinang telah menyediakan borang pendaftaran kepada siswa-siswi yang berminat untuk menderma organ tertentu atau menderma keseluruhan organ untuk didaftarkan. Hospital Pulau Pinang turut menghantar dua orang jururawat bagi membantu program pendermaan organ.

Pengarah Projek, Nur Izzati Najwa Usof berkata, pendermaan organ adalah proses mendermakan sebahagian tubuh badan untuk tujuan pemindahan bagi organ dan tisu yang masih berfungsi daripada penderma yang masih hidup atau meninggal dunia (kardaverik) kepada pesakit. Organ serta tisu yang boleh didermakan ialah jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, mata (kornea), injap jantung, tulang dan kulit.

Pendermaan organ selepas meninggal dunia digalakkan kerana pelbagai organ dan tisu ini boleh digunakan dan dapat memberi manfaat serta kehidupan baru kepada ramai pesakit. Kesedaran menderma organ secara sukarela berada pada tahap membanggakan berikutan 70 siswa-siswi telah mendaftar untuk menderma organ selepas kematian semasa pembukaan pameran di foyer Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP).

"Saya berharap siswa-siswi akan meningkatkan kesedaran mereka dan mendaftar sebagai penderma organ melalui ilmu pengetahuan dan menolak persepsi negatif yang menyatakan bahawa ia akan memudaratkan kesihatan penderma dan takut halangan agama", katanya.

Menurut Izzati lagi, siswa-siswi yang ingin mendaftar dan tidak sempat mendaftar semasa pembukaan pameran, mereka boleh mengisi borang pendaftaran menderma organ secara atas talian.

"Untuk memastikan sambutan yang menggalakkan, kami telah melakukan kempen di media sosial seperti facebook seminggu sebelum pembukaan pameran. Kempen berkenaan mensasarkan kepada siswa-siswi khususnya untuk mendaftarkan diri sebagai penderma organ dan tampil memberikan sokongan kepada program ini", katanya lagi.

Bagi seorang pendaftar pendermaan organ, Ahmed Razin Ghani Basheer Ahamed, Teknologi Industri 3, projek sebegini perlu dibuat secara berterusan untuk memujuk lebih ramai siswa-siswi bertindak dan meningkatkan kesedaran terhadap pendermaan organ.

"Saya telah mendaftar untuk menderma organ hati dan buah pinggang. Saya berharap pembukaan pameran untuk mendaftar perlu diteruskan kerana pembukaan pameran selama dua hari sahaja tidak mencukupi dan patut dibuka lebih lama lagi sekurang-kurangnya selama satu minggu", katanya.

"Kebanyakan siswa-siswi berminat menjadi penderma organ tetapi mereka tidak tahu saluran yang betul untuk mendaftar", katanya lagi kepada Berita Kampus.

Program Hijab dan Gincu tingkat keterampilan

Memberi pendedahan berkenaan teknik penampilan diri merupakan tujuan utama program Hijab dan Gincu.

Menurut Pengarah Projek, Nurul Nabilah Abdul Razak, manfaat program tersebut adalah dapat meningkatkan keterampilan diri di samping menjadikan diri lebih berkeyakinan untuk bertemu dengan khalayak dan sesuai dengan peranan wanita kini.

"Antara aktiviti yang bakal kami laksanakan ialah cabutan bertuah, tutorial hijab dan kelas kecantikan kulit", jelas Nabilah.

"Pelbagai keistimewaan yang boleh diperoleh menerusi program ini iaitu harga yuran yang lebih rendah sekitar RM10. Warga Universiti Sains Malaysia (USM) juga berpeluang untuk belajar bersolek daripada 10 orang penasihat kecantikan Mary Kay yang professional di samping berpeluang untuk memenangi hadiah cabutan bertuah dan produk Mary Kay", tambahnya.

Tambahnya lagi, beliau berharap agar program tersebut memberi manfaat kepada golongan wanita terutamanya untuk menjadikan mereka lebih yakin dengan penampilan diri mereka.

"Kami menjemput penasihat kecantikan daripada Mary Kay kerana inginkan kelainan daripada sidang lepas. Selain itu, program ini diadakan bagi memenuhi permintaan siswi-siswi USM untuk mendapatkan khidmat nasihat dan mempelajari teknik-teknik penjagaan kulit wajah daripada penasihat kecantikan", tambah Nabilah.

Menurut penasihat kecantikan Mary Kay, Nur Amira Yahya, kepentingan solekan ialah dapat meningkatkan keyakinan dengan menonjolkan kecantikan kepada orang ramai.

"Dengan memakai solekan, kita dapat menutup diri sendiri dengan menjadi orang lain" ,jelasnya.

Tambahnya lagi, dengan mengadakan program seperti ini, peserta dapat mengetahui teknik-teknik menggunakan pembersih muka dan solekan yang betul.

Menurut peserta, Nurul Syazwani Abdul Ghani, Pengurusan 2, tujuan beliau menyertai program tersebut adalah untuk mengetahui teknik-teknik membersihkan muka, penjagaan kulit dan cara mengaplikasikan solekan.

"Saya berasa sangat berpuas hati kerana program ini banyak memberi ilmu baru tentang cara penjagaan kulit yang betul", kata Syazwani.

Program ini telah diadakan pada 21 November lalu di Dewan Sains Kemasyarakatan 2 dan melibatkan seramai 70 orang peserta.



Penasihat kecantikan, Nur Amira Yahya menjawab soalan berkenaan teknik solekan oleh siswi USM selepas sesi tutorial penggunaan solekan

ISU SEMASA

Salahkan tindakan, bukan agama

Oleh **NURUL KHAIRIAH MOHAMED YUSOF, AISHAH HANIS AZMI, MICHELE NG HENG KIM, NORSYAFIQAH ZAMAL ISHAK, VICTORIA SOFIA FRANCIS VICTOR, NABILAH MAD ZOM**

Apabila kita menyelak akhbar ataupun melayari internet kini, berita dan informasi tentang serangan pengganas terutamanya oleh IS (Islamic State) memenuhi segenap ruang media. Serangan demi serangan yang bertujuan bagi menakut-nakutkan dunia telah menimbulkan persekitaran yang membingungkan dan membimbangkan. Serangan terbaru yang berlaku di Kota Paris pada malam 13 November baru-baru ini menjadi satu episod yang amat memberi kesan kepada masyarakat dunia, dan Eropah khususnya.

Serangan di kota Paris tersebut mengejutkan dunia dengan 129 orang mangsa dilaporkan terbunuh, manakala sekurang-kurangnya 350 orang cedera dalam serangan berani mati tersebut. Hal ini telah memaksa Perdana Menteri Perancis, Francois Hollande mengumumkan serangan pengganas yang pertama kalinya berlaku di Perancis. Tidak lama kemudian, IS mengumumkan bahawa mereka adalah pihak bertanggungjawab dalam serangan tersebut dan tidak menyesali perbuatan kejam mereka. Amaran juga diberikan kepada negara-negara Barat yang lain bahawa serangan serupa akan menimpa mereka jika tidak mengikut ajaran Islam yang ditaati oleh pengganas IS.

Media sebagai penyebar maklumat utama mula memanipulasi pelaporan mereka sehingga Islam dilabel sebagai agama yang menggalakkan keganasan dan pembunuhan demi mencapai tahap rohani yang lebih mulia. Ditambah lagi, dengan pembaca yang kurang arif tentang Islam sehingga mampu membuat kesimpulan sendiri untuk membenci Islam. Hal ini telah menguatkan lagi sentimen kebencian terhadap Islam ataupun lebih dikenali sebagai Islamofobia.

Menurut penulis dari Amerika dan Pengarah Esekutif Center Islamic for Pluralism, Stephen Schwartz, Islamofobia merupakan satu bentuk kutukan terhadap keseluruhan umat Islam dan sejarah ektremis mereka, menyangkal hak-hak muslim sebagai manusia, menyalahkan muslim dalam krisis mereka, mendesak supaya agama Islam dihapuskan serta mengisytiharkan perang terhadap warga muslim keseluruhannya. Pemikiran seperti ini telah menimbulkan tindakan dan rasa takut serta benci terhadap umat Islam keseluruhannya. Mereka percaya bahawa orang Islam di seluruh dunia membawa keganasan dan kebencian terhadap bukan Islam dan mahu jadikan dunia kucar-kacir.

Islamofobia bukan bermula daripada kes serangan di Paris baru-baru ini tetapi telah lama wujud. Ketika tragedi 9/11 apabila Menara Berkembar World Trade Center (Pusat Dagangan Dunia) di Bandar Raya New York dan bangunan Pentagon musnah akibat serangan Al-Qaeda yang menyebabkan ribuan mangsa terkorban sehingga menimbulkan kemarahan rakyat Amerika Syarikat (AS). Presiden AS pada ketika itu, George W. Bush telah mengisytiharkan peperangan menentang keganasan atau dengan lebih tepat perang menentang Islam.

Sejak itu, AS menggunakan media sebagai medium menyebarkan ideologi serta membentuk identiti masyarakat Islam sebagai pengganas dan sering menggunakan kekerasan. Semakin banyak persepsi yang bersarang dalam fikiran masyarakat dunia pada hari ini terhadap Islam. Kesan pemaparan media secara berulang membuatkan masyarakat Barat percaya bahawa Islam menggalakkan umatnya melakukan keganasan terhadap orang bukan Islam meningkat daripada 14% kepada 32%.

KESAN ISLAMOFOBIA

Islamofobia menyemarakkan lagi perasaan takut dan panik yang tidak berasas terhadap umat Islam. Setiap lapisan umat Islam tidak terkecuali sama ada dikesani secara langsung atau tidak langsung. Namun, umat Islam yang menetap di negara Barat mengalami kesan yang lebih mendalam berbanding umat Islam di negara Islam.

Umat Islam dipandang negatif oleh pemimpin negara Barat seperti AS dan United Kingdom (UK) terutamanya dari segi politik. British National Party (BNP) satu parti UK yang lantang menyuarakan sentimen anti-Islam telah mengeksploitasikan kempen politik, dan media bagi menyebarkan dan merasionalkan Islamophobia terutama selepas serangan bom di London. Undang-undang anti pengganas juga diketatkan lagi. Natijahnya, pihak polis meningkatkan pengawasan mereka demi keselamatan negara. Malah, undang-undang imigrasi yang semakin ketat menyukarkan lagi umat Islam berhijrah ke negara Barat seperti di Jerman. Di Perancis, Nicholas Sarkozy antara pemimpin yang menunding jari menyalahkan umat Islam secara terbuka.

Umat Islam turut dipengaruhi dari segi ekonomi selepas insiden 9/11. Kajian Universiti Columbia mendapati gaji umat Islam telah menurun sebanyak 12% hingga 13 %. Selain itu, wanita beragama Islam juga sukar mendapatkan perkerjaan. Di UK, peluang umat Islam untuk bekerja dalam bidang pengurusan amat tipis. Tambahan pula, umat Islam di negara barat dilihat sebagai golongan yang mengeksploitasi peluang ekonomi negara tersebut.

Apabila orang ramai sedang khuatir dan tidak tenteram selepas tragedi di Paris, kerajaan Amerika Syarikat telah mengeluarkan travel alert kepada rakyatnya di seluruh dunia. Amaran tersebut telah meningkatkan lagi kekhuatiran masyarakat.

Masyarakat telah didedahkan kepada kemungkinan tinggi berlakunya serangan oleh pengganas IS dan Al-Qaeda. Pengganas mungkin membawa senjata biasa atau tidak dikenali. Tempat yang sesak seperti teater, pasar dan lapangan kapal terbang menjadi sasaran kegemaran mereka. Maka, masyarakat dinasihati supaya lebih peka dan berhati-hati.

Akan tetapi, amaran yang bersifat sementara itu telah menimbulkan syak-wasangka masyarakat. Sudah tiga kali penerbangan mengeluarkan penumpang ‘Timur Tengah’ yang disyaki sebagai pengganas hanya disebabkan mereka bertutur bahasa Arab atau kelihatan seperti rakyat Timur Tengah. Selain itu, terdapat kes wanita mengandung yang dikecam di dalam bas awam di London atau wanita dipukul semasa ingin mengambil anak dari sekolah. Kesemua perkara ini disebabkan mereka beragama Islam dan mungkin seorang pengganas.

KIKIS PERASAAN ISLAMOFOBIA

Islam dikatakan sebagai agama yang mengamalkan kekerasan, penunjuk perasaan, fanatik dan melampau melalui artikel yang sering muncul tentang serangan pengganas di luar negara contohnya di Afghanistan. Selain itu, orang Islam di tuduh sebagai pengganas tempatan dan pemimpin Islam juga dituduh mempunyai hubungan dengan kumpulan pengganas Islam yang lain.

Realitinya pengganas Islam hanya mewakili 6% daripada keseluruhan senarai serangan pengganas di AS pada tahun 1980 hingga 2005. Pengganas daripada Amerika Selatan seperti Mexico dan Colombia mewakili 42%, diikuti ‘Extreme Left Wing Groups’ 42%, lain-lain 16% dan Yahudi 7%.

Fakta membuktikan pembentukan persepsi telah dibentuk berdasarkan maklumat yang kurang tepat. Meskipun hanya mewakili 6% tetapi penganut agama Islam sering dilabel sebagai pengganas sehingga mewujudkan Islamofobia. Tindakan segelintir masyarakat Islam tidak sepatutnya mencerminkan keseluruhan agama tersebut.

Situasi diburukkan lagi dengan propaganda untuk memburukkan imej Islam. Kebanyakan media-media gergasi dikuasai oleh orang bukan Islam yang mempunyai sifat prejudis kepada Islam dan menggunakan medium itu untuk memaparkan Islam dari sudut negatif sekali gus menaman perasaan benci kepada Islam.

Terdapat tujuh yayasan yang telah membayar sebanyak USD42 juta untuk menanamkan ketakutan dan kebimbangan serta kebencian kepada Muslim di AS iaitu ‘Donors Capital Fund’, ‘Richard Mellon Scaife Foundations’, ‘Lynde and Harry Bradley Foundation’, ‘Newton D. dan Rochelle F. Becker Foundations’ and ‘Charitable Trust’, ’Russell Berrie Foundation’, ’Anchorage Charitable Fund’, ’William Rosenwald Family Fund’ dan ’Fairbrook Foundation’. (Zulkifli Hasan, 2013).

Disebabkan propaganda tersebut, orang Islam dilihat sebagai pengganas walhal orang Islam juga turut menjadi mangsa pengganas tetapi tidak dipaparkan dalam media antarabangsa. Contohnya tragedi di Afganistan, Iraq, Palestin dan Syria kurang mendapat perhatian dunia mahupun pertolongan daripada negara sesama Islam. Negara Islam lain lupa dengan kesengsaraan dan derita umat Islam di sana.

Menurut John Simpson, wartawan The Huffington Post yang telah menghabiskan banyak masa di Iraq mendapati berpuluh-puluh orang terbunuh dalam serangan bom dan tindakan bunuh diri tetapi tidak dipaparkan di dalam media. Perkara yang sama turut berlaku di Afghanistan. Situasi ini membuktikan media terlalu selektif dan bias jika melibatkan isu berkaitan masyarakat Islam.

Mengikis pemikiran Islamofobia bukan sesuatu yang mudah tetapi ia boleh bermula dengan mengubah mutu tamadun Islam dengan menonjolkan cara hidup Islam yang sebenar. Jika media yang dimiliki oleh institusi Islam dapat menyebarkan maklumat dengan efisyen maka dapat memperbetulkan persepsi negatif terhadap Islam.

Ajaran Islam juga menentang semua perbuatan IS seperti membunuh nyawa yang tidak berdosa. Bukan itu sahaja, ramai ulama dan pertubuhan Islam juga mengkritik kesilapan dan tindakan IS yang turut menyebabkan orang Islam menjadi mangsa serangan mereka. Terdapat beberapa pihak dari barat telah mengaitkan Islam dengan pandangan dan tindakan IS yang dikatakan kejam dan ganas.

Hal ini menyebabkan Muslim yang terpalit nama mereka akibat identiti IS sebagai Islam telah bangkit menyatakan pendirian mereka bahawa tindakan IS tidak berkaitan dengan agama Islam. Sebagai contoh, kempen hashtag #NotInMyName melalui media sosial disokong oleh jutaan umat Islam seluruh dunia yang mengutuk sebarang keganasan atas nama Islam. Kempen ini diadakan bagi memperjelaskan bahawa cara dan

Ajaran Islam juga menentang semua perbuatan IS seperti membunuh nyawa yang tidak berdosa. Bukan itu sahaja, ramai ulama dan pertubuhan Islam juga mengkritik kesilapan dan tindakan IS yang turut menyebabkan orang Islam menjadi mangsa serangan mereka. Terdapat beberapa pihak dari barat telah mengaitkan Islam dengan pandangan dan tindakan IS yang dikatakan kejam dan ganas.

ajaran agama Islam tidak seburuk seperti yang disebarkan oleh media. Semua agama mempunyai pegangan asas yang sam iaitu menentang kekejaman.

Oleh itu, perbuatan jahat seseorang tidak boleh dikaitkan dengan agama mahupun bangsa. Segala tindakan yang dilakukan adalah kerana cara mereka berfikir dan bagaimana mereka membuat keputuisan dengan mengikut nafsu marah atau perasaan benci mereka. Kekejaman dan diskriminasi terhadap orang Islam perlulah dihentikan agar nyawa mereka yang tidak berdosa dapat diselamatkan.

RUJUKAN

1. Abdul Malik Mujahid (2011). Islamophobia statistics USA 2011 dipetik daripada http://www.soundvision.com/article/islamophobia-statistics-usa-2011
2. Chris Allen (2009). Islamophobia and its Consequences.
3. Courteney Ervin (2006), 9/11 Lowers Arab Wages dipetik daripada http://spectatorarchive.library.columbia.edu/cgi-bin/columbia?a=d&d=cs20060920-01.2.14#
4. Eight OIC Observatory Report on Islamophobia (2015) dipetik daripada http://www.oic-oci.org/oicv2/upload/islamophobia/2015/en/reports/8th_Ob_Rep_Islamophobia_Final.pdf
5. Humayun Ansari (2012). Islamophobia and the British National Party: a commentary dipetik daripada https://pure.royalholloway.ac.uk/portal/files/16798860/Ansari_BNP.pdf
6. Isis wants us to invade 7 facts revealed by their magazine dipetik daripada laman web Cracked.com
7. isis-syria-iraq-9-questions dipetik daripada vox.com
8. Nurul Anuar Kari (2011), Menilai 9/11 selepas satu dekad dipetik daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0910&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_05.htm
9. paris shooting daripada laman web nytimes.com
10.Paris bataclan shooting first person account of the terrorist attack dipetik daripada laman web Slate.com
11. Suzanne Goldenberg (2006). Islamophobia worse in America now than after 9/11, survey finds dipetik daripada http://www.theguardian.com/world/2006/mar/10/usa.religion
12. Taylor Wofford (2014). Islamophobia in America on the Rise, Poll Shows dipetik daripada http://www.newsweek.com/islamophobia-america-rise-poll-shows-262478
13. Tim Lister, CNN (2013). Who are the world's 10 most dangerous terrorists? Dipetik daripada http://edition.cnn.com/2013/10/09/world/meast/top-10-terrorists/
14. Umat Islam makin diasak dengan Islamofobia (2011) dipetik daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1009&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_07.htm
15. Understanding Anti-Muslim Sentiment in the West dipetik daripada http://www.gallup.com/poll/157082/islamophobia-understanding-anti-muslim-sentiment-west.aspx
16. http://edition.cnn.com/2015/11/23/politics/state-worldwide-travel-alert-paris-terrorist-attacks/index.html
17. http://www.theguardian.com/commentisfree/2015/oct/22/shocking-videos-islamophobia-abues-prejudice
18. http://www.huffingtonpost.com/entry/all-the-islamophobic-acts-in-us-canada-since-paris_564cee09e4b031745cef9dda
19. http://www.huffingtonpost.com/entry/anti-muslim-backlash-paris_564b5321e4b045bf3df0e7b0
20. http://www.todayszaman.com/diplomacy_islamophobia-rises-in-france-as-identity-economic-crises-meet_327022.html
21. http://isj.org.uk/islamophobia-the-othering-of-europes-muslims/

SUKAD erat hubungan tiga kampus

Oleh **NUR KHAIRINA KAMAL**

Sukan Antara Desasiswa Fasa 1 (SUKAD) telah berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 27 hingga 29 November lalu melibatkan semua desasiswa termasuk dari Kampus Kejuruteraan dan Kesihatan.

SUKAD adalah program yang dirangka oleh USM untuk membentuk siswa-siswi yang seimbang dari segi akademik, sukan dan ko-kurikulum yang merupakan penyertaan wajib dari setiap desasiswa

Antara sukan yang dipertandingkan adalah bola sepak, badminton, ping pong, tenpin bowling dan bola jaring.

Menurut penasihat SUKAD, Mohd Azmi Abdullah, SUKAD kali ini telah berjalan dengan penuh semangat kesukanan yang ditonjolkan oleh siswa siswi. Selain itu, terdapat bakat-bakat baru dalam kalangan siswa siswi yang boleh diketengahkan pada peringkat yang lebih tinggi.

Pengarah SUKAD Fasa 1, Muhammad Alif A'fiq Hamdi, Pengurusan 3, berkata tujuan utama SUKAD adalah untuk mengeratkan lagi hubungan kesukanan antara desasiswa-desasiswa dan juga sesama pemain dari desasiswa yang berbeza.



LINCAH . . . antara aksi menarik Ooi Da Zhou mewakili Desasiswa Nurani dalam perlawanan akhir badminton yang diadakan di Kompleks Sukan USM.

"SUKAD juga memberi peluang untuk siswa-siswi belajar menguruskan program sukan dari segi pengurusan atlet dan peraturan-peraturan dalam setiap sukan yang dipertandingkan," ulas Alif lagi.

Kapten dalam pasukan badminton Desasiswa Jaya, Kaw Meng Chung, hasil usaha keras setiap siswa siswi menunjukkan kualiti yang terbaik dalam setiap permainan, telah mempamerkan semangat kesukanan yang tinggi.

Desasiswa Jaya telah memenangi Johan keseluruhan badminton lelaki dan wanita.

Sepanjang tiga hari program berlangsung, seramai 50 ahli jawatankuasa SUKAD dan Majlis Penghuni Desasiswa (MPD telah memberikan kerjasama yang baik untuk menjayakan SUKAD Fasa 1.

SUKIPT Sabah kukuhkan silaturahim melalui kesukanan

Karnival Sukan Institut Pengajian Tinggi Siswa-siswi Sabah (SUKIPT Sabah) telah diadakan pada 7 hingga 8 November 2015 yang lalu, di Universiti Utara Malaysia (UUM) baru-baru ini. Program anjuran Kelab 1 Malaysia Sabah ini memfokuskan kepada pengukuhan silaturahim siswa-siswi Sabah yang berada jauh di Semenanjung Malaysia.

Program ini turut bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Kementerian Kewangan Sabah, Kementerian Belia dan Sukan Sabah, Yayasan Sabah, Gabungan Siswazah Sabah Semenanjung (G3S), Kelab Taha UUM,dan juga Varsity Mall UUM sebagai penaja piala pusingan. Program ini berjaya mengumpulkan 17 universiti awam dan 1 universiti swasta dalam bergabung tenaga dan mencungkil bakat kesukanan dalam siswa-siswi Sabah yang menuntut di Semenanjung Malaysia.

Menurut Pengarah Projek SUKIPT Sabah, Mohd Azwan Siri, SUKIPT Sabah yang dianjur kali ke 4 mempertandingkan tiga acara iaitu futsal, bola tampar dan juga bola jaring. Selain itu, turut diselitkan satu pertandingan santai terbaru SUKIPT Sabah Best Picture yang bertujuan mempromosi keindahan UUM.

"Persatuan Siswazah Sabah USM (PERSIS USM) telah menghantar ahli menyertai dalam semua pertandingan tetapi hanya berjaya pada tahap peringkat kumpulan dan hanya acara bola jaring sahaja yang mara ke peringkat suku akhir", kata Yang Dipertua PERSIS USM, Manuel Gakim.

"Seperti kebiasaannya PERSIS USM mengutamakan semangat kesukanan dan sikap tidak berputus asa dalam memenangi sesebuah pertandingan", jelas Manuel lagi.

Selain itu, Gabungan Siswazah Sabah Semenanjung turut menganjurkan pelbagai program dan pertandingan di kebanyakan universiti temapatan di Malaysia. Antaranya SUKIPT Sabah, Pertandingan Debat dan Pidato di Univerisiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Festival Kaamatan di Universiti Putra Malaysia (UPM), dan Malam Citra Bayu di USM.

Larian Amal Convex pupuk siswa-siswi bersukan sambil beramal

Berbakti kepada masyarakat dengan mendermakan separuh kutipan yuran penyertaan kepada badan kebajikan adalah tujuan utama program Ekspo Konvokesyen (Convex), Larian Amal, 'Bersukan Sambil Beramal'.

Menurut Pengarah Projek, Muhammad Nabil Ros Nazri, kutipan yuran tersebut telah didermakan kepada rumah kebajikan House of Hope di Air Itam, Pulau Pinang pada 7 Nov lalu.

Jelasnya lagi, tujuan program tersebut diadakan bersesuaian dengan tema Convex Universiti Sains Malaysia (USM) Pencetus Inspirasi Mahasiswa sebagai inspirasi kepada siswa-siswi supaya berbakti kepada golongan yang memerlukan.

"Walaupun tidak dapat ke lokasi untuk melakukan aktiviti kesukarelawanan, mereka masih boleh menyumbang wang kepada golongan yang memerlukan ini", tambah Nabil.

"Yang menariknya program itu telah disertai oleh peserta Orang Kelainan Upaya (OKU), Noor Ilham Ismail bagi memberi sokongan terhadap program ini", jelas Nabil.

"Harapan saya agar program seperti ini dapat diadakan lagi terutama kepada siswa-siswi yang tidak dapat menjadi sukarelawan tetapi masih ingin melakukan aktiviti amal", Tambah Nabil.

Menurut Nurul Syazwana Kasa, Sains Kajihayat 1, beliau menyertai program tersebut kerana ia mengumpul sumbangan kepada golongan yang memerlukan di samping dapat mendidik semangat siswa-siswi untuk bersukan.

"Saya dapati program ini dapat mengeratkan hubungan dengan kawan-kawan. Selain itu, kami juga dapat mendidik diri untuk mencergaskan diri melalui aktiviti senaman", katanya.

Tambahnya lagi, dia berharap agar program tersebut dapat diadakan secara kerap supaya dapat membantu golongan yang memerlukan.

"Golongan yang memerlukan ini mengharapkan bantuan daripada pihak yang berkemampuan seperti kita", akhiri beliau.

Program ini telah dianjurkan oleh Convex di bawah Aktiviti dan keceriaan Ekspo dan melibatkan seramai 400 peserta. Ia telah diadakan pada 21 November lalu di Stadium Olahraga USM.

SUKAN

Azman Hashim USM Sports Arena officially launched

The newly built Azman Hashim USM Sports Arena was officially launched by Trustee of Yayasan Azman Hashim, Tan Sri Azman Hashim accompanied by Pro-Chancellor of Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Datuk Mustafa Mansur, and Vice-Chancellor of USM Professor Dato' Dr. Omar Osman.

According to Omar, the newly buildtAzman Hashim USM Sports Arena was aimed to fulfill the needs of sports for the students of USM as well as the public.

"Not only students will benefit from it, but the public will also enjoy the benefits of Azman Hashim USM Sports Arena", said Omar.

"There are basketball court, handball court, netball court and futsal in the sports arena", added Omar.

According to Omar, he believed that through the support and recognition from companies like AMBANK Group, the development of sustainability of USM students will receive a great encouragement and it also helps USM to overcome the challenges like the reduction of allocation from the government.

"We sincerely hope that cooperation between USM and companies will continue not only in sports and leisure field, but also in other fields including contribution to Yayasan USM to benefit more", said Omar.

Azman Hashim USM Sports Arena was officially launched on 26th November; the facilities are ready to be used.

Not only students will benefit from it, but the public will also enjoy the benefits of Azman Hashim USM Sports Arena.



HISTORICAL MOMENTS... Tan Sri Azman Hashim (left) gave his autograph in front of Azman Hashim USM Sports Arena after the ribbon-cutting ceremony and was accompany by Professor Dato' Dr. Omar Osman (right three), Vice-Chancellor of USM. The well facilitated sports arena are ready to be used by the students to carry on sports practices.

KSAH USM guna teknologi bangunan hijau

Oleh **SIOW JING EN**

Kompleks Sukan Azman Hashim (KSAH) Universiti Sains Malaysia (USM) mengamalkan konsep bangunan hijau dengan memasang lampu diod pemancar cahaya (LED) dan panel suria untuk mencapai tujuan kelestarian.

Menurut Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman, KSAH telah dipasang lampu LED dan kajian mengenai konsep LED sedang dijalankan agar dapat dilaksanakan dalam bangunan USM.

"Kami juga memasang panel suria dengan kerjasama satu agensi kerajaan bagi memastikan penghasilan kuasa elektrik dapat digunakan di KSAH", tambah beliau.

Omar percaya bahawa reka bentuk bumbung bangunan tersebut sesuai untuk dipasang panel suria dan USM sedang cuba mendapat pembiayaan dan sokongan daripada satu lagi agensi kerajaan.

"Pada saya, KSAH adalah satu model kerjasama antara industri dan universiti. Saya harap siswa-siswi akan memegang tanggungjawab bersama-sama bagi menjaga kemudahan yang disediakan", katanya lagi.

Beliau juga berharap bahawa USM dapat berdikari dalam menjana kewangan bagi menampung kos penyelenggaraan dan meningkatkan dana dalam membantu memajukan pelbagai acara sukan dan rekreasi di USM.

Sehubungan itu, Omar berhasrat KSAH akan menjadi tumpuan masyarakat setempat dan memanfaatkannya sebaik mungkin. Beliau menambah bayaran akan dikenakan kepada pihak luar.

Kos pembinaan KSAH berjumlah RM10 juta dan disiapkan dalam masa 11 bulan, dengan keluasan tiga buah gelanggang futsal.

Kami juga memasang panel suria dengan kerjasama satu agensi kerajaan bagi memastikan penghasilan kuasa elektrik dapat digunakan di KSAH.

The hockey legacy continues

The 42nd Pesta Hoki USM-Penang International 2015 (PHIUSM 2015) launching ceremony was held in Nestle Headquarters with the presence of Sports Marketing Manager of Nestle (Milo) Products, Mr Ng Ping Loong for the coming tournament on 10th till 13th December 2015.

According to the president of PHIUSM 2015, Mr. Shanmugam Panisilon, the tournaments will be fully held on the field this year.

Besides that, the total number of participating teams has been reduced from 400 teams to 324 teams when compared with last year. He explains that it is due to the on-going renovation of hockey turf in Universiti Sains Malaysia (USM).

Shanmugan says that there are 35 international teams involved in the tournaments which includes of the players from Taiwan, India, Pakistan, Sri Lanka and Indonesia. He adds that PHIUSM will be also a gathering of all Malaysian hockey players.

"We feel honoured to have Sultan Perak, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri. Sultan Dr. Nazrin Muizzuddin Shah to be our VIP of closing ceremony and prize giving ceremony as well", says Shanmugan.

PHIUSM 2015 will be held on Minden Field, USM and the final games will be held on Stadium Olahraga USM. Shanmugan says that there will be 638 matches carried on during PHIUSM 2015.

A total cash prize of RM20, 000 will be given to the winning teams of PHIUSM 2015. The RM5, 000 grand prize goes to the winner of Men's Open Premier category.

PHIUSM 2015 collaborates with the Ministry of Higher Education, Malaysian Hockey Confederation and the Penang State Hockey Association as well as other organizations and federations. Milo Nestle is their main platinum sponsor.

There are 35 international teams involved in the tournaments which includes of the players from Taiwan, India, Pakistan, Sri Lanka and Indonesia.